

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU MERDEKA, 31 OGOS 1957: LIKU DAN JEJAK PERJUANGAN PATRIOT DAN NASIONALIS MENENTANG BRITISH

Abdullah Zakaria Ghazali*

Pendahuluan

Pada tahun ini, 31 Ogos 2012, genaplah 55 Persekutuan Tanah Melayu (kini dikenali sebagai Malaysia) mencapai kemerdekaan. Sepanjang 55 tahun tersebut Malaysia mengalami berbagai pancaroba. Namun begitu, Malaysia terus menerus mencapai kemajuan dalam berbagai bidang, politik, ekonomi dan sosial. Tumpuan utama perbincangan makalah ini kepada perjuangan menentang penjajah, dan menuntut kemerdekaan. Melalui gambaran ini, diharapkan pembaca dapat mengetahui pejuang atau patriot menentang penjajah, dan seterusnya mereka yang terlibat dalam gerakan memerdekakan Persekutuan Tanah Melayu atau nasionalis. Dengan itu perjuangan patriot dan nasionalis sebelum ini dapat diambil sebagai teladan. Sementara itu melalui makalah ini juga pembaca boleh menyimpulkan siapakah patriot dan nasionalis atau sebaliknya. Namun begitu perkara lain yang tidak kurang penting juga sebagai mengingatkan 55 Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan, sangat wajar dalam kalangan warganegara menghimbau kembali perjalanan sejarah perjuangan pejuang dan nasionalis yang lalu, menghayati liku-liku perjuangan, dan menghayati perjuangan patriot dan nasionalis tanah air. Antara perkara yang amat penting di penghujung perjuangan kemerdekaan dan perlu diambil teladan dihayati ialah wujudnya persefahaman di antara Melayu, Cina dan India. Persefahaman inilah yang menjadi resipi utama perpaduan dalam kalangan penduduk Malaysia. Sehubungan itu kolektif memori sejarah lalu amat penting ke arah membina dan mengukuhkan jati diri serta perpaduan penduduk Malaysia.

Perjuangan Menentang Penjajah Sebelum 1957

Sangat perlu ditegaskan sejarah perjuangan orang Melayu menentang penjajah bermula sejak pencerobohan Portugis di Melaka pada tahun 1511. Pada tahun ini orang Melayu berjuang menentang Portugis yang datang menyerang untuk menakluki Melaka. Walaupun Melaka kalah, Portugis menawan Melaka, dan Sultan Melaka berundur, tetapi perjuangan orang Melayu

* Penulis ialah Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

di bawah Sultan Melaka berterusan. Sultan Mahmud Melaka berjuang menentang Portugis selama 17 tahun, sehingga baginda mangkat di Kampar pada tahun 1528. Sepanjang perjuangan itu, Sultan Mahmud gagal menawan kembali Melaka. Usaha menghalau Portugis dari Kota Melaka itu diteruskan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah, putera baginda yang mengasaskan Kesultanan Johor pada tahun 1528. Kini usaha menawan Melaka daripada tangan penjajah Portugis diteruskan oleh Johor. Walaupun Johor pernah bergabung dengan Kerajaan Aceh, tetapi mereka juga gagal menghalau Portugis, dan menduduki kembali Melaka. Namun begitu orang Melayu dan Sultan Johor tidak pernah padam semangat perjuangan menghalau Portugis dari Melaka.

Sementara itu orang Melayu dan Sultan Johor mengambil masa kira-kira 113 tahun untuk menghalau Portugis dari Melaka. Usaha Johor ini hanya berjaya pada tahun 1641, itupun membantu angkatan Belanda menyerang Melaka. Di sini menunjukkan orang Melayu berjuang kira-kira 130 tahun untuk mengalahkan Portugis yang bertapak di Melaka. Walaupun kini Johor menduduki Melaka, orang Melayu terus berjuang menentang penjajah. Kali ini orang Melayu menentang Belanda pula. Kemudiannya orang Melayu menentang Siam yang menduduki Kedah, dan menentang Jepun serta British. Jelaslah di sini, Kedatangan Portugis, Belanda, Siam, Jepun dan British mencetuskan tindak balas penduduk tempatan. Mereka berjuang mempertahankan maruah dan kedaulatan bangsa dan tanah air.

Pada tahun 1511, orang Melaka di bawah pimpinan Sultan Ahmad menentang Portugis di bawah pimpinan Alfonso de Albuquerque.. Mereka gagal, Portugis menduduki Melaka. Sultan Ahmad dan ayahandanya, bekas Sultan Melaka, Sultan Mahmud serta pengikut berundur, dan akhirnya bersemayam di Bintan.¹ Bintan menjadi pusat kerajaan Melaka. Ketika bersemayam di Bintan, mereka seringkali melancarkan serangan ke atas Portugis di Melaka, tetapi gagal. Apabila Sultan Ahmad mangkat di Bintan, Sultan Mahmud dilantik semula sebagai pengganti, menenerusi teraju pimpinan Melaka. Walaupun terus menentang Portugis, tetapi tidak Berjaya.

Perjuangan orang Melayu menentang Portugis dari Bintan berakhir pada tahun 1526. Angkatan Sultan Mahmud dikalahkan di Bintan. Baginda, pembesar dan pengikut berundur ke Kampar. Ketika berada di Kampar, baginda dinobatkan sebagai Sultan Kampar. Kemudiannya baginda mangkat di sini pada tahun 1528. Raja Ali, putera baginda dengan Tun Fatimah menggantikan takhta, kembali ke Johor, mengasaskan kesultanan Johor pada tahun 1528, memakai gelaran Sultan Alauddin Riayat Shah. Sementara itu Raja Muzaffar, putera sulung baginda dibawa oleh Tun Shaban ke Perak, dan ditabalkan sebagai Sultan Perak di Tanah Abang, bergelar Sultan Muzaffar Shah pada tahun 1528.

Perjuangan menentang Portugis diteruskan oleh Sultan Alauddin Riayat Shah, pengasas Kerajaan Johor pada tahun 1528. Pada tahun 1551, Sultan Alauddin Riayat Syah II yang mendapat bantuan Perak, Pahang, dan Japara (Jawa) melancarkan serangan ke atas Melaka tetapi gagal. Namun begitu Johor di bawah pemerintah Sultan Muzaffar Syah, pengganti

1 Perjuangan Sultan Ahmad dan Sultan Mahmud, boleh rujuk Muhammad Haji Salleh (pengkaji dan memperkenalkan), *Sulalat al-Salatin ya'ni Perteturan Segala Raja-Raja (Sejarah Melayu)*, Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997. A. Samad Ahmad (penyunting), *Sulalatus Salatin/ Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1979. Buyong Adil, *Perjuangan Orang Melayu Menentang Penjajahan Abad 15-19*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 23-31.

Sultan Alauddin Riayat Syah II berjaya mengalahkan angkatan Portugis yang datang menyerang Johor pada tahun 1576 dan 1578. Johor hanya berjaya mengalahkan Portugis ketika bersama-sama Belanda menyerang Melaka pada tahun 1641, pada pemerintahan Sultan Abdul Jalil Shah III (1623-1677).²

Mulai tahun 1641, Belanda di Melaka. Kehadiran Belanda ini tidak disenangi penduduk Naning dan Rembau. Naning melancarkan serangan terhadap Belanda di Melaka. Serangan ini dilakukan kerana mereka berpendapat Belanda masih dalam keadaan lemah.³ Belanda bertindak balas menghantar pasukan menyerang Naning pada tahun 1641. Naning gagal mengalahkan Belanda, dan menandatangani perjanjian pada tahun itu. Namun begitu Naning terus melancarkan gerakan menentang Belanda. Akibatnya, Belanda menghantar lagi pasukan yang terdiri daripada 200 orang dihantar menyerang lagi Naning pada tahun 1643, Naning dikalahkan, dan menandatangani perjanjian pada tahun tersebut. Antara lain dalam perjanjian itu, Naning bersetuju menghantar 1/10 hasil tahunannya ke Melaka.⁴ Dalam pada itu orang Naning di bawah pimpinan Hitam, Putera, Silap dan Dato' Bongsu menyerang Belanda. Hitam ditangkap, disiksa sebelum dihukum gantung. Dato' Bongsu, Putera dan Silap dipenggal kepala, dan badan mereka dipotong empat; dipamerkan di tempat awam.⁵ Orang Rembau juga menyerang pasukan Belanda yang dihantar ke Rembau. Dalam serangan ini, lapan orang askar terbunuh.⁶

Seterusnya penentangan orang Melayu terhadap Belanda dilakukan juga oleh orang Perak. Pada tahun 1651 loji Belanda di Kuala Perak untuk menguruskan perniagaan bijih timah diserang, dan semua orang Belanda yang ada di situ dibunuh. Sementara pada serangan juga dilakukan terhadap kapal dagang Belanda yang berlayar di persisiran pantai Perak pada tahun 1676 dan 1677. Seterusnya Panglima Kulup Ali memimpin angkatan orang Melayu menyerang kota Belanda di Pulau Pangkor pada tahun 1690. Ramai orang Belanda terkorban dan mereka meninggalkan kota tersebut.⁷

Kemudiannya muncul seorang Raja Melayu, Sultan Ibrahim Selangor besama angkatan Selangor, dan dibantu oleh penduduk Rembau menyerang Belanda di Melaka pada tahun 1783. Pada ketika yang sama, angkatan Johor berperang dengan angkatan Belanda pada tahun 1783 yang datang untuk menawan pusat pentadbiran kerajaan Johor di Pulau Bintan. Angkatan Johor di bawah pimpinan Yamtuan Muda Johor Raja Haji berjaya mengatasi serangan Belanda itu. Pada tahun 1784 angkatan Belanda dikalahkan dan berundur ke Melaka. Sultan Ibrahim

-
- 2 Perjuangan Johor menentang Portugis boleh rujuk Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor dan Kuasa Asing: Tindak Balas Terhadap Portugis dan Belanda, 1828-1795", *PURBA*, Bilangan 25 – 2006, hlm. 59-63.
 - 3 Jonathan Cave, *Naning in Melaka History: The Custom, Tribes & Clans, The War Independence*, Monograph No. 16, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 1990, hlm. 28-29.
 - 4 C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-67*, Singapore: Oxford University Press, 1972, hlm. 264. T. Braddell, "Notes on Naning, with A Brief Notice of the Naning War", *JIAEA*, New Series Vol. I, 1856, hlm. 194-195. L.A. Mills, *British Malaya 1824-67*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1966, hlm. 116.
 - 5 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Belanda di Melaka, 1641-1795: Satu Tinjauan Mengenai Persaingan Negeri Melayu dengan Belanda di Selat Melaka", Abu Hassan Sham, Martin 'tHart & Wong Khok Seng (editor), *Pengajian Melayu Bersumberkan Belanda*, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu dan Perbadanan Muzium Melaka, 1998, hlm. 76.
 - 6 Jonathan Cave, *Naning in Melaka History: The Custom, Tribes & Clans, The War Independence*, hlm. 39-40. L.Y., Andaya, *The Kingdom of Johor 1641-1728: Economic and Political Developments*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1975, hlm. 66-67.
 - 7 Barbara Watson Andaya, *Perak The Abode of Grace: A Study of an Eighteenth Century Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1979, hlm. 46-50.

yang berperang di Melaka ini datang ke Pulau Bintan menemui Raja Haji meminta bantuan. Raja Haji pula dengan semangat jihad datang ke Melaka menentang Belanda. Dalam pertempuran ini, Raja Haji terkorban pada tahun 1784 di Teluk Ketapang. Apabila Raja Haji syahid, angkatan Johor dan angkatan Selangor pulang.⁸

Syahid Yamtuan Muda Johor Raja Haji tidak menamatkan perjuangannya menentang Belanda. Sultan Ibrahim berperang lagi dengan Belanda yang datang menyerang Selangor pada tahun 1784. Dalam perang ini, Sultan Ibrahim berundur ke Pahang, dan Belanda bertapak di Kuala Selangor. Belanda membina semula kubu Kuala Selangor dan dinamakan Kota Altinsburg; manakala kubu di Bukit Tanjung Keramat dinamakan Kota Utrech. Begitu juga Johor, berperang dengan angkatan Belanda yang dihantar menyerang Johor. Johor dikalahkan dan mengikat perjanjian dengan Belanda. Manakala Sultan Ibrahim dengan bantuan Pahang melancarkan serangan ke atas Belanda di Kuala Selangor pada tahun 1785, dan berjaya mengalahkannya. Dengan itu Sultan Ibrahim berkuasa semula di Selangor. Berikutnya pada tahun 1786, Sultan Ibrahim berdamai dengan Belanda. Antara syarat perjanjian ini Sultan Ibrahim diakui sebagai Sultan Selangor, dan baginda akan menjual bijih timah kepada Belanda.⁹

Penentangan terhadap Siam dilakukan oleh orang Kedah. Gerakan tentangan ini bermula mengatasi serangan Siam dan menghalau Siam yang menduduki Kedah pada tahun 1821. Perjuangan orang Melayu Kedah ini dipimpin oleh Syed Zainal Abidin (dikenali sebagai Tunku Kudin), Tunku Muhammad Saad dan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah.

Pada tahun 1826, Tunku Kudin (atau Syed Zainal Abidin),¹⁰ anak saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah; Tunku Long Putih,¹¹ saudara ipar Sultan Ahmad Tajuddin dan Tunku Sulaiman melancarkan serangan ke atas pertahanan Siam di Kota Kuala Kedah tetapi gagal.¹² Kemudiannya sekali lagi Tunku Kudin memimpin angkatan Kedah menyerang tentetera Siam di Kedah pada tahun 1829. Serangan ini juga dikalahkan tentera Siam.¹³ Tunku Kudin dan angkatannya terdiri daripada 2,000 orang, dengan semangat jihad¹⁴ menyerang pasukan Siam di Kota Kuala pada tahun 1831.¹⁵ Kota Kuala ditawan oleh pasukan Kedah pada 24 April

8 Perjuangan Johor menentang Belanda boleh rujuk Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Johor dan Kuasa Asing: Tindak Balas Terhadap Portugis dan Belanda, 1828-1795", hlm. 63-76.

9 Mohd. Yusof Hashim, "Sultan Ibrahim Ibnu Raja Lumu (Sultan Salehuddin) di dalam Sejarah Selangor Abad ke-18 dan ke-19", Adnan Hj. Nawang dan Mohd. Fadzil Othman (editor), *Selangor: Sejarah dan Proses Pembangunan*, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Muzium Sultan Alam Shah, Selangor, 1992, hlm. 123-126. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Sejarah Malaysia: Sorotan Masa Lalu, Ikhtibar Hari Ini dan Akan Datang", *Malaysia Dari Segi Sejarah*, Bil. 36-2008, hlm. 4. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Belanda di Melaka, 1641-1795: Satu Tinjauan Mengenai Persaingan Negeri Melayu dengan Belanda di Selat Melaka", hlm. 87.

10 Bonda Tunku Kudin ialah saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah. Bapanya keturunan Arab, berasal dari Palembang, Sumatera.

11 Tengku Long Putih ialah orang kuat Tunku Kudin. Beliau anak Tunku Raden, Palembang, Sumatera. Berkahwin dengan Tunku Jam Jam, saudara Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah.(C.O. 273/1. "WKTD").

12 Haji Ibrahim Ismail, *Sejarah Kedah Sepintas Lalu* (Kedah: Universiti Utara Malaysia, 1987), hlm. 75.
13 C.O. 273/1, "WKTD".

14 C.M. Turnbull, *The Straits Settlements 1826-1867*, hlm. 259.

15 Kota Kedah atau Kota Kuala berbentuk empat segi bujur, lapan puluh dharab lima puluh ela; dindingnya dibina daripada batu, tingginya 10 kaki. C.O. 273/1, "WKTD".

1831.¹⁶ Kemudiannya menyerang balas pasukan Tunku Kudin di Kota Kuala. Tunku Kudin dan pasukannya mempertahankan kedudukan, tetapi dikalahkan di sini. Tentera Siam memasuki Kota Kuala, kira-kira 50 orang Melayu termasuk Tunku Kudin terkorban. Orang Melayu Kedah dalam perjuangan ini berpegang kepada perang jihad, menentang kafir; mati syahid dan masuk syurga.¹⁷ Kepala Tunku Kudin dipancung dan dibawa ke Bangkok.¹⁸ Mereka yang berjaya melepaskan diri berundur ke Pulau Pinang atau Seberang Perai.¹⁹

Syahid Tunku Kudin dan pengikutnya menyemarakkan lagi perjuangan menghalau Siam dari bumi Kedah. Perjuangan orang Melayu Kedah kali ini di bawah pimpinan Tunku Muhammad Saad bin Tunku Daud. Tunku Muhammad Saad memimpin angkatan Kedah menghalau Siam dari bumi Kedah pada tahun 1838. Angkatan Tunku Muhammad Saad berjaya mengalahkan tentera Siam yang bertahan di sempadan Seberang Perai.²⁰ Angkatan Tunku Muhammad Saad di bawah pimpinan menyerang dan mengalahkan pasukan Siam bertahan di Alur Ganu di bawah Phya Buri Sukhuton. Sementara itu pasukan di bawah Dato' Muhammad Ali yang bergerak ke Utara berjaya menduduki Setul. Pasukan lain di bawah Wan Mat Pulau mara ke Chenak. Pasukan ini juga mara ke Kota Baru, Reman dan seterusnya ke Kuala Bekah, Patani.²¹ Angkatan di bawah pimpinan Tunku Muhammad Taib²² dan Tunku Muhammad Jiwa bersama kira-kira 2,500 orang berjaya menduduki Senggora.²³ Angkatan Tunku Muhammad Saad dan Syekh Abdul Samad al-Palembangi bersama 4,200 orang berjaya menduduki Hadyai.²⁴

Walaupun begitu kejayaan Tunku Muhammad Saad tidak lama, angkatan Siam menyerang balas pasukan beliau, dan menduduki kembali Senggora, Hadyai dan Setul. Kemudiannya angkatan Siam melancarkan serangan ke atas Kedah, angkatan Tunku Muhammad Saad dikalahkan.²⁵ Sementara itu Haji Muhammad Taib mengalami kecederaan ketika bertempur dengan pasukan Siam berundur; menaikki perahu ke Pulau Pinang.²⁶ Dalam pada itu pihak British menghantar kapal *Hyacinth* untuk mengepung pantai Kedah. Kapal ini bertugas dari 6 Disember 1838 hingga 11 April 1839.²⁷ Ketika mengepung persisiran pantai

16 P.J. Begbie, *The Malayan Peninsula*, hlm. 128. Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 149. Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm.67. SSR. V.5: GML0. R. Ibbetson. Residen Singapura kepada Chao Phra Prah-Klang Chao Kun Kasa, 3 Mei 1831, mencatatkan Tunku Kudin berjaya menduduki Kedah pada 18 April 1831. Cyril Skinner, *The Civil War in Kelantan in 1839*, Kuala Lumpur: Malaysian Branch Royal Asiatic Society, 1965, hlm. 6.

17 C.O. 273/1, "WKTD".

18 W.F. Vella mencatatkan yang Tunku Kudin membunuh diri pada 22 April 1832, setelah gagal melepaskan diri daripada serangan pasukan Siam.(Walter F. Vella, *Siam Under Rama III 1824-1851*, hlm. 68). Ada juga menyatakan yang Tunku Kudin membunuh diri kerana tidak mahu dijadikan tawanan perang Siam.(Ura a/p Pin@Chum, Kedah 1803-1843: Pergolakan Politik Semasa Pemerintahan Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II, hlm. 54).

19 C.O. 273/1, "WKTD".

20 C.O. 273/1, "WMM", James Low kepada J.W. Salmond, Residen Konsular, 3 Jun 1838.

21 Muhammad Hassan bin Dato' Kerani Muhammad Arshad, *Al-Tarikh Salasilah Negeri Kedah*, hlm. 149.

22 Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 68.

23 SSR. W4: GML1, kenyataan Dato' Muhammad Salleh.

24 Rashade Haji Abdullah, Kedah 1821-1842..., hlm. 68.

25 SSR. W4: GML1, Residen Konsular Pulau Pinang kepada S.G. Bonham, 26 Mac 1839. SSR. W4: GML1, kenyataan Dato' Muhammad Salleh. Beliau berusia kira-kira 50 tahun. Terlibat dalam gerakan menentang Siam di Kedah.

26 SSR. W4: GML1, kenyataan Haji Muhammad Taib, Pejabat Polis, Sabtu, 9 Mac 1839. Beliau berusia 35 tahun.

27 SSR. W4: GML1, Pemerintah *Hyacinth* kepada S.G. Bonham, 16 April 1839. Mengenai penglibatan kapal *Hyacinth* ini sila lihat, Sherard Osborn, *The Blockade of Kedah in 1838 in Malayan Waters*, Singapore: Oxford University Press, 1987.

Kedah, angkatan British memusnah perahu dan harta orang Kedah.²⁸ Akhirnya Kedah ditawan kembali oleh angkatan Siam, dan mentadbir semula Kedah. Namun begitu pada Ogos 1842, Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah pulang ke Kedah.²⁹

Seterusnya orang Melayu menentang British pula. Kedatangan dan penglibatan British dalam pentadbiran negeri Melayu mencetuskan gerakan terhadap mereka. Orang Melayu Kedah, Naning, Perak, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Terengganu berjuang mempertahankan maruah, hak dan kedaulatan mereka. Pendudukan tidak sah British di Pulau Pinang pada tahun 1786 ditentang oleh Sultan Abdullah Kedah. Baginda mengumpul tentera di Seberang Perai untuk menyerang British di Pulau Pinang. Namun begitu British bertindak dahulu, angkatan Sultan Abdullah dari Kedah dikalahkan. Kedah menandatangani perjanjian 1791 mengakui kekuasaan British di Pulau Pinang dan menerima bayaran tahunan 6,000 ringgit Sepanyol.

Dalam pada itu British yang menduduki Melaka mulai 1825, selepas Perjanjian London 17 Mac 1824, terlibat dalam halehwal Naning. Penglibatan British dalam pentadbiran Naning dan mendakwa Naning sebahagian daripada Melaka menimbulkan kemarahan Penghulu Naning Dol Said. British yang mentadbir di Melaka menghantar angkatan ke Naning pada tahun 1831, di bawah pimpinan Kapten Wyllie dan dibantu oleh Leftenan Milnes dan Leftenan Begbie berserta 150 orang sepoi untuk menawan Tabuh, pekan dan pusat pentadbiran Penghulu Dol Said.³⁰ Angkatan menyerang angkatan British ini dan angkatan British ini dikalahkan oleh pasukan Penghulu Dol Said dan berundur ke Melaka.³¹ Ketika berundur mereka diserang hendap oleh pasukan Penghulu Dol Said.³² Walaupun kuasa besar pada ketika itu, tetapi angkatan Naning berjaya mengalahkan British. Oleh kerana menjaga maruah, kalah di tangan Naning, pihak British menghantarkan angkatan yang lebih besar di bawah Leftenan Kolonel Herbert pada tahun 1832 dan berjaya menawan Naning.

Sementara pentadbiran British di India menyatakan dasar tidak campur tangan tetapi sebenarnya Syarikat Hindia Timur Inggeris telah berleluasa campur tangan dalam hal ehwal politik tempatan di Semenanjung Tanah Melayu. Dalam perkembangan lain, pihak British juga melibat diri dalam pentadbiran Sarawak dan Sabah. Perbezaannya, campur tangan di Sarawak bukan oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris, tetapi James Brooke, bekas tentera Syarikat Hindia Timur Inggeris. Manakala Sabah pula kegiatannya dilakukan sebuah badan perniagaan, Syarikat Berpiagam Sabah. Berdasarkan sejarah, Sarawak di bawah kerajaan Brunei; Sabah pula, sebahagiannya di bawah kerajaan Brunei dan sebahagian lagi di bawah kerajaan Sulu. Walaupun James Brooke tiba di Sarawak pada 15 Ogos 1839 dengan kapal *Royalist* untuk menyampaikan surat Gabenor Negeri-Negeri Selat kepada Raja Muda Hashim yang memerintah Sarawak ketika itu, kerana beliau pernah menyelamatkan kapal British yang karam di situ, tetapi beliau tidak campur tangan dalam dalam pertempuran di antara Pangiran Indera

28 R.O. Winstedt, "Notes on the History of Kedah", hlm. 185.

29 SSR. U8: GLRC, S.G. Bonham kepada Residen Konsular Pulau Pinang, 24 Ogos 1842.

30 SSR. U.L. GLTRC., R. Ibbetson kepada Samuel Garling, Timbalan Residen Konsular Melaka, 13 Ogos 1831. *Singapore Chronicle*, 11 Ogos 1831.

31 Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Perang Naning 1831", *Jurnal Sejarah Melaka*, Bil. 9, 1985.

32 *Singapore Chronicle*, Khamis, 8 September 1831. SSR. R.I. GLTB., R. Ibbetson kepada George Sivinton, Ketua Setiausaha Pemerintah Fort William, 19 Ogos 1831.

Mahkota dengan Dato' Patinggi Ali. Namun begitu apabila beliau datang sekali lagi di Sarawak pada tahun 1841, James Brooke menyahut permintaan Raja Muda Hashim menyelesaikan kekacauan yang berlaku di Sarawak. Sekiranya berjaya, James Brooke akan dilantik sebagai Gabenor Sarawak. James Brooke berjaya menghapus pemberontakan tersebut. Dengan itu Raja Muda Hashim melantik James Brooke sebagai Gabenor Sarawak menggantikan Pangiran Indera Mahkota pada 24 September 1841, iaitu Bahagian Pertama sekarang. Pada tahun 1842, beliau berangkat ke Brunei dan berjaya mendapatkan pengiktirafan Sultan Brunei sebagai Wakil baginda di Sarawak. Dalam usaha mengukuhkan kekuasaannya di Sarawak, James Brooke melancarkan serangan ke atas orang Iban di Sungai Padeh dan Layar. Begitu juga dengan bantuan Henry Keppel dan kapal *Dido* dan *Phlegethon*, James Brooke berjaya mengalahkan pasukan di bawah pimpinan Sharif Sahab di Batang Lupa dan Sharif Mullar di Batang Undup. Serangan juga dilancarkan ke atas orang Iban di Sungai Saribas pada 11 Jun 1843. Pada bulan Ogos 1844 pula, James Brooke melancarkan serangan ke atas Krangan Peris, di Hulu Skrang. Walaupun penduduk peribumi menentang tetapi dikalahkan oleh pasukan James Brooke. Pada bulan Mac 1849 James Brooke melancarkan serangan ke atas Saribas dan Krian. Pertempuran berlaku di Benteng Maru, tetapi pasukan peribumi dikalahkan oleh pasukan James Brooke. Dalam pertempuran ini pasukan James Brooke terdiri daripada kapal *Albatross*, *Royalist* (Tentera Laut Diraja British), kapal Syarikat Hindia Timur Inggeris - *Nemesis* dan kapal perang James Brooke sendiri, *Singha Rajah*. Dalam usaha memperteguhkan kedudukannya, James Brooke membina kubu pertahanan di Skrang pada tahun 1850. Pada tahun 1851 James Brooke menyerang Rajang, orang Iban di bawah pimpinan Muijah di Entabai dikalahkan. Berikutnya kubu pertahanan dibina lagi di Lingga dan Kanowit. Sultan Brunei yang meminta James Brooke memungut cukai di sungai Sadong, Saribas, Rajang, Lingga, Samarahan, Krian dan Skrang pada tahun 1851, kemudiannya menyerahkan kawasan tersebut kepada James Brooke pada tahun 1853. Sebagai balasannya James Brooke berjanji membawa \$1,500.00 Sepanyol tiap-tiap tahun kepada Sultan Brunei. Pada bulan Ogos 1854 James Brooke melancarkan serangan ke atas kubu Rentap di Sungai Lang. Pada tahun 1861 kubu-kubu Rentap berjaya dimusnahkan dan tentangan Rentap dapat diatasi. Walaupun demikian James Brooke menghadapi tentangan daripada orang Cina pada tahun 1857. Sekali lagi tentangan ini gagal menggugat kedudukan pentadbiran Brooke. Pada tahun 1861 kedudukan James Brooke bertambah teguh di Sarawak kerana Sultan Brunei menyerahkan kawasan dari Rajang hingga Tanjung Kidurong kepada beliau dengan syarat James Brooke sanggup membayar \$45,000.00 Sepanyol setahun kepada kerajaan Brunei. Walaupun kedudukan diancam oleh gerakan Sharif Masahor dan Dato' Patinggi Haji Abdul Gapur tetapi James Brooke berjaya mengatasinya. Pembuangan Sharif Masahor ke Singapura dan Dato' Patinggi Haji Abdul Gapur ke Betawi, kedudukan dan kekuasaan pentadbiran Brooke menjadi lebih teguh.

Gerakan tentangan juga dilakukan terhadap campur tangan British di Sungai Ujong. Dato' Shahbandar (Dato' Bandar) Abdullah Tunggal, Sungai Ujong menentang penglibatan British di Sungai Ujong yang dijemput oleh Dato' Kelana Sungai Ujong Sayid Abdul Rahman. Dato' Bandar dikalahkan dan bersedia menerima hukuman buang negeri ke Singapura.³³

33 FCNS, 1876, No. 15, Sir A. Clarke kepada Earl of Carnarvon, 9 Februari 1875, enclosure 2, "Pengakuan Dato' Shahbandar".

Sementara Dato' Shahbandar berjuang menentang British di Sungai Ujong, J.W.W. Birch yang datang bertugas sebagai Residen British Perak pada 4 November 1874, berkuatkuasa Perjanjian Pangkor yang ditandatangani pada 20 Januari 1874, melaksanakan berbagai peraturan baru. Antaranya campur tangan dalam soal perhambaan di Perak. Tindakan J.W.W. Birch ini menyalahi Perjanjian Pangkor yang menyatakan tidak boleh terlibat dalam soal berkaitan adat Melayu Perak. Dalam pada itu J.W.W. Birch juga menghalang pembesar memungut cukai. Langkah beliau menghalang pungutan cukai ini disifatkan oleh Sultan dan pembesar Perak bahawa J.W.W. Birch bukan menasihati tetapi memerintah Perak. Tindakan dan langkah J.W.W. Birch ini tidak disenangi oleh sultan dan pembesar Perak. Akhirnya J.W.W. Birch dibunuh di Pasir Salak pada 2 November 1875. Pembunuhan J.W.W. Birch ini menyebabkan British menghantar angkatan di bawah Brigedier Jeneral J. Ross dan Mejar Jeneral F. Colborne dihantar ke Perak untuk menghapuskan gerakan tentangan dan menangkap mereka yang terlibat. Mereka yang terlibat ditahan dan menyerah diri, dibicarakan. Dato' Maharaja Lela Pandak Lam, Dato' Sagor (Dato' Seri Agar Diraja Ngah Kamdin), Pandak Indut dan Seputum dijatuhkan hukuman gantung sampai mati. Manakala Ngah Jabor, Panjang Bur, Kulup Ali (Che Ali) dan Si Tuah dijatuhkan hukum penjara seumur hidup.³⁴ Sultan Ismail dan Panglima Perang Semaun dibuang ke Sekudai, Johor. Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim bin Jaafar, Laksamana Wan Muhammad Amin dan Shahbandar Uda Mahamor dibuang ke Pulau Seychelles.³⁵

Kebencian terhadap British merebak di Selangor pada kurun ke-19. Raja Mahdi turut sama menentang British kerana British terlibat memberi sokongan Tunku Kudin (Wakil Mutlak Sultan Abdul Samad Selangor) yang membantu pesaing Raja Mahdi, Raja Abdullah dan Raja Ismail dalam persaingan perebutan kuasa ke atas Klang. Campur tangan British di Selangor dengan perlantikan Residen J.G. Davidson pada awal 1875 juga membangkitkan rasa tidak senang hati Raja Mahdi ibn Raja Sulaiman. Dengan sokongan Raja Mahmud, anak raja Selangor, Raja Asal, Raja Beroman, Syed Masahor dan Sutan Puasa; Raja Mahdi membuat pakatan menentang Tengku Kudin, wizurai dilantik oleh Sultan Abdul Samad yang mendapat sokongan daripada British. Semangat menentang British membawa kepada pakatan untuk melancarkan serangan ke atas Kuala Lumpur. Rancangan serangan ke atas Kuala Lumpur diketahui oleh pihak British dan Raja Mahdi tidak dibenarkan pulang ke Selangor. Percubaan Raja Mahdi untuk melancarkan serangan ke atas Kuala Lumpur. Rancangan ini gagal, kerana British berjaya menangkap Sultan Puasa dan meminta jasa baik Maharaja Abu Bakar membawa Raja Mahdi yang berada di Padang, Muar ke Johor Bharu. Dengan itu kebangkitan di Selangor tidak sempat berlaku.³⁶

Perjuangan British juga berlaku di Negeri Sembilan, di bawah pemerintahnya sendiri, Yamtuan Tunku Antah. Baginda melancarkan gerakan menentang British kerana British melibatkan diri dalam soal Terachi pada tahun 1875 menyokong dakwaan Dato' Klana Sungai

34 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Dato' Sagor: Peranannya Dalam Gerakan Menentang British Di Perak 1874-1876*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1993, hlm. 37-52.

35 Abdullah Zakaria bin Ghazali, *Pasir Salak: Pusat Gerakan Menentang British di Perak*, Ipoh: Yayasan Perak, 1997, hlm. 221-222. Abdullah Zakaria bin Ghazali, "Orang Kaya Menteri Paduka Tuan Ngah Ibrahim bin Long Jaafar, 1840-1895: Satu Kajian Mengenai Perjuangannya Menentang British di Perak", *PURBA*, Bilangan 11, 1992, hlm. 17-28.

36 Khoo Kay Kim, "Before Pasir Salak", *JHSUM*, Vol. VII, 1968/69, hlm. 40-52. Mohomad Amin Hassan, "Raja Mahadi bin Raja Sulaiman", *Peninjau Sejarah*, Vol. I, No. 2, December 1966, hlm. 53-61.

Ujong bahawa Terachi sebagai haknya. Pada awal Disember 1876, angkatan Tunku Antah berjaya menawan balai polis di Paroi.³⁷ Tunku Antah membina kubu pertahanan di Paroi. Kubu ini diserang oleh pasukan British dan Tunku Antah berundur ke Bukit Putus.³⁸ Tunku Antah mengundurkan diri ke Johor dan berlindung di bawah Maharaja Abu Bakar. Kemudiannya Tunku Antah dibenarkan pulang, berkuasa di Seri Menanti sahaja.³⁹

Perjuangan menentang British juga berlaku di Pahang. Penglibatan British di Pahang mulai 1887 dan perantikan J.P. Rodger sebagai Residen British pada tahun 1888 serta pelaksanaan perubahan dalam pentadbiran menimbulkan percanggahan nilai-nilai tempatan dengan barat. Pentadbiran baru di bentuk di Pahang. Antaranya, Pahang telah dibahagikan kepada beberapa daerah dan diletakkan di bawah Pemungut Cukai dan Majistret berbangsa Eropah. Kuantan diletakkan di bawah pentadbiran A.H. Wall, Pekan, F. Belfield; Kuala Pahang, W.W. Michell; Temerloh, E.A. Wise; Hulu Pahang, W.C. Michell dan Hugh Clifford sebagai Penguasa Hulu Pahang.⁴⁰ Bahaman melancarkan serangan ke atas pasukan British di Lubuh Terua pada tahun 1894. Beberapa buah perahu karam dan Townson, seorang pendayung Melayu serta seorang mata-mata Sikh tercedera.⁴¹ Gerakan yang dipimpin Dato' Bahaman ini mendapat sokongan daripada Tuk Gajah (Imam Perang Rasul) dan Mat Kilau. Angkatan pejuang Pahang dikalahkan dan berundur ke Kelantan dan Terengganu. Kemudiannya dengan semangat jihad yang ditanam oleh Tukku Paloh (atau Sayyid Abdul Rahman al-Idrus), Dato' Bahaman dan pejuang Pahang melancarkan serangan ke atas Kuala Tembeling; berikutnya berjaya menawan kubu Jeram Ampai. Walaupun begitu kejayaan ini tidak berkekalan, kerana pasukan British berjaya mengundurkan mereka. Sekali lagi mereka memasuki sempadan Kelantan dan Terengganu.⁴² Gerakan memburu pejuang Pahang dilakukan oleh pasukan British di bawah Hugh Clifford ke Kelantan dan Terengganu, tetapi gagal kerana tidak mendapat kerjasama daripada penduduk tempatan.⁴³

Perjuangan orang Melayu menentang British menegakkan maruah dan kedaulatan berlaku di Pasir Puteh, Kelantan (atau Kebangkitan Tok Janggut) pada tahun 1915. Kebangkitan Tok Janggut ini dapat diatasi. Tok Janggut dilaporkan terkoban; manakala Engku Besar Jeram Tuan Ahmad yang mengalami kecederaan di paha diselamatkan oleh Awang Deraman ke Reman, Selatan Thailand.⁴⁴ Mayatnya diarak di Pasir Puteh dan Kota Bharu, sebelum digantungkan kepala ke bawah di Padang merdeka untuk beberapa ketika. Kemudiannya dikebumikan di Pasir Pekan.⁴⁵

37 J.M. Gullick, "The War wit Yam Tuan Antah", *JMBRAS*, Vol. 27, Pt. 1, 1954, 8-9.

38 FCNC, 1876, Gabenor Sir William Jervois kepada Earl of Carnarvon, 14 Disember 1875 (telegram).

39 T. Chelliah, "War in Negri Sembilan 1874-1875", Graduation Exercise, University of Malaya, Singapura, 1955. J.M. Gullick, "The War with Yam Tuan Antah", *JMBRAS*, Vol. 27, Pt.1, 1954.

40 Zakaria bin Md Dom, Wan Muhammad bin Wan Idris Maharaja Purba Jelai, Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1977/78, hlm. 85. Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1972, hlm. 123; 127. Noriah Sulong, "Orang Kaya Bahaman Satu Kajian Riwayat Hidup", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1974/75, hlm. 41.

41 Noriah Sulong, Dato' Bahaman: Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan, Noraziz Selat (editor), *Pahang: Dahulu dan Sekarang*, Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia, 1996, hlm. 9.

42 Jang Aisjah Muttalib, *Pemberontakan Pahang 1891-1895*.

43 Hugh Clifford, "Expedition to Trengganu and Kelantan", *JMBRAS*, Vol. 34, Pt. 1, 1962.

44 C.O. 273/426, Arthur Young kepada A. Bonar Law, Pejabat Tanah Jajahan, London, 2 Jun 1915, terlampir, *Straits Times*, 29 Mei 1915

45 Ibrahim Nik Mahmood, "The Tuk Janggut Rebellion of 1915", W.R. Roff (ed.), *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1974, hlm. 62-86.

Begitu juga gerakan mempertahankan maruah dan kedaulatan berlaku di Terengganu pada tahun 1922, 1925 dan 1928 di bawah pimpinan ulama, Haji Abdul Rahman bin Abdul Hamid (lebih dikenali dengan panggilan Haji Abdul Rahman Limbong). Suatu perkara yang menarik dalam gerakan di Terengganu ini, dan berbeza dengan perjuangan menentang British di negeri Melayu lain ialah peranan agama begitu menonjol. Dalam perjuangan itu mereka mendapat ajaran daripada Haji Abdul Rahman Limbong bahawa undang-undang baru yang diperkenalkan oleh pentadbiran British ini adalah undang-undang kafir. Namun begitu sebagaimana gerakan di negeri Melayu lain sebelum ini, kebangkitan Terengganu ini juga dapat diatasi oleh British. Haji Abdul Rahman Limbong ditahan, dan dijatuhkan hukuman buang negeri ke Mekah.⁴⁶

Pada awal kurun ke-20 keadaan masyarakat mulai berubah, wujudnya konteks dengan orang Islam dari Timur Tengah dan India; dan ramai pula anak tempatan menuntut pelajaran di Timur Tengah. Selain daripada itu inspirasi kebangkitan Jepun sebagai sebuah kuasa Asia juga turut merangsangkan kesedaran masyarakat Melayu. Keadaan ini memberi kesan dalam perkembangan masyarakat berikutnya. Walaupun peringkat awal ini ia tertumpu kepada masalah sosial dan ekonomi, tetapi suara-suara mulai lantang mempersoalkan perkara ini.

Pada 1906 sebuah akhbar Melayu, *Al-Imam* diterbitkan di Singapura oleh segolongan keturunan Arab yang dipengaruhi oleh gerakan islah ketika belajar di Timur Tengah. Tujuan penerbitan akhbar ialah untuk “mengingatkan mana yang lalai dan menjagakan mana yang tidur dan menunjukkan yang sesat dan menyampaikan suara yang menyeru dengan kebajikan”. Akhbar ini menyeru orang Islam kembali ke ajaran kuran dan hadis; serta menerima pengetahuan barat. Mereka yang menyebarkan ajaran ini, kemudiannya digelar sebagai Kaum Muda. Kaum Muda telah mengecam pucuk pimpinan agama dan para pembesar Melayu; dan juga mengkritik adat serta kehidupan orang Melayu. Selain daripada *Al-Imam* terdapat beberapa akhbar lain yang juga turut menjadi santapan golongan terpelajar di Semenanjung Tanah Melayu. Akhbar tersebut diterbitkan di Singapura, iaitu *Neraca* (1911-1915), *Utusan Melayu* (1907-1922) dan *Lembaga Melayu* (1914-1931). Kemudiannya pada tahun 1925 Syed Sheikh al-Hadi menerbitkan novel *Hikayat Faridah Hanum* yang di antara lain menggesa supaya memberi kebebasan yang luas kepada wanita dan kepentingan pelajaran.

Kelahiran akhbar Melayu telah memberi sumbangan besar kepada kesedaran terhadap masalah bangsa dan negara. Daripada rencana pada peringkat awal berkisar kepada masalah sosial dan ekonomi, berpindah kepada menyuarakan hal-ehwal politik. Pada Jun 1920, Persekutuan Perbahasan Orang-orang Islam Muar, Johor menerbitkan akhbar dua minggu sekali, *Lidah Teruna*, menekankan perpaduan dalam kalangan bangsa Melayu. Pada 1924, *Majallah Guru* diterbitkan oleh Persatuan Guru-guru Melayu Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Majalah ini menyuarakan perpaduan bangsa Melayu untuk mencapai matlamat ekonomi dan sosial. Di Pulau Pinang, pada 1925, akhbar *Idaran Zaman* diterbitkan di bawah pimpinan Mohd. Yunus bin Abdul Hamid. Akhbar ini menekankan perpaduan agama. Pada

46 SUK. Tr. 1295/1346, “Pemberitahu Kerajaan”, 12 Zulhijah 1346 (2.6.1928). Abdullah Zakaria bin Ghazali, “Kebangkitan 1928: Satu Perbincangan Mengenai Beberapa Tokoh dan Peranan Mereka”, *Malaysia Dari Segi Sejarah*, No. 9, 1980, hlm. 55-73; “Islam dan Anti-Penjajahan di Terengganu”, *Islamika II* (Kuala Lumpur: Sarjana Enterprise, 1982), hlm. 114-130; “Kebangkitan Terengganu 1928”, Muhammad Abu Bakar, Amarjit Kaur & Abdullah Zakaria Ghazali (eds), *HISTORIA*, Kuala Lumpur: The Malaysian Historical Society, 1984, hlm. 277-306.

1926 sebuah majalah bulanan *Al-Ikhwān* diterbitkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi di Pulau Pinang. Majalah ini masih berkisar dalam masalah sosial dan agama. Pada tahun 1928 pula akhbar harian *Saudara* diterbitkan dengan Muhammad Yunus bin Abdul Hamid sebagai pengarang pertamanya. Pada 1930-an akhbar Melayu banyak beredar dalam pasaran, antaranya *Warta Malaya* (1930-1941), *Majlis* (1931-1941), *Lembaga Malaya* (1935-1941) dan *Utusan Melayu* (1939-1941). *Warta Malaya* dan *Lembaga Malaya* pernah dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar, penekanannya tidak jauh berbeza, menuntut pengambilan orang Melayu ke dalam jawatan pentadbiran penting kerajaan. Akhbar *Majlis* pada mula di bawah pimpinan Abdul Rahim Kajai, kemudian berselisih faham dengan tuan punya; meletakkan jawatan dan berkhidmat pula dengan *Warta Malaya*, dan kemudiannya *Utusan Melayu*. Tempatnya diambil oleh Othman Kalam; dan berikutnya oleh Ibrahim bin Haji Yaacob (1939-1941) dan dibantu oleh Ahmad Boestaman. Melalui akhbar ini suara kritikan dikemukakan mengenai sosial, agama, ekonomi dan politik.

Begitu juga, Tanah Melayu mengalami perubahan selepas perang dunia pertama (1914-1918). Banyak kelab ditubuhkan di Tanah Melayu, terutamanya di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Kelab ini kebanyakan adalah kelab sosial dan olahraga. Berikutnya lahir pertubuhan di bawah pimpinan pegawai kerajaan yang berpendidikan Inggeris, guru-guru sekolah Melayu dan sekolah agama. Pada tahun 1916 Persekutuan Keharapan Belia ditubuhkan di Johor Bahru. Pada tahun 1918 pula Persekutuan Indera Kayangan ditubuhkan di Alor Setar dan diikuti pada tahun 1919, penubuhan Persekutuan Perbahasan orang-orang Islam Muar.

Seterusnya pada 1920-an pula memperlihatkan satu perkembangan baru dalam politik Semenanjung Tanah Melayu. Pada 1920-an Kaum Muda mulai jelas terlibat dalam politik. Penglibatan ini melalui pelajar Tanah Melayu (Malaya) di Timur Tengah. Mereka yang menuntut di Universiti al-Azhar, dengan kerjasama pelajar-pelajar Indonesia telah menubuhkan persatuan yang bernama *Al-Jam'iyah-al-Khairiyah*; berikutnya dengan sokongan Haji Osman bin Abdullah, pelajar Tanah Melayu, pada bulan Oktober 1925 majalah bulanan *Al-Azhar* diterbitkan dengan matlamat "memberi cahaya dan sinar kepada tanah airnya". Perkembangan pendidikan akhirnya melahirkan kumpulan cerdik pandai, dan seterusnya menjadi pemimpin mengambil alih sebahagian daripada peranan yang sebelum ini dimainkan golongan bangsawan. Kini orang Melayu yang mendapat didikan sekolah Melayu sudah ramai boleh membaca dan menikmati segala resah gelisah yang disuarakan melalui akhbar. Kini muncul golongan baru yang boleh digolongkan sebagai inteligensia, terdiri dari lepasan sekolah Melayu, Arab dan juga Inggeris. Golongan ini lebih banyak muncul di kawasan bandar, di mana terdapat banyak sekolah didirikan. Di Kelantan, misalnya muncul Abdul Kadir Adabi, yang berikutnya muncul pertubuhan seperti Kelab Putera dan Setiawan Belia. Persatuan Guru-Guru Melayu Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka bergabung menghasilkan majalah bulanan *Majalah Guru*. Majalah ini mengesa masyarakat Melayu bersatu untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial.

Pada pertengahan 1920-an, Dato' Undang Rembau Abdullah bin Haji Dahan, berpendidikan Inggeris, ahli Majlis Persekutuan menggerakkan pengasasan Syarikat Perbaikan Hidup di Negeri Sembilan. Matlamat syarikat ini mengawal perbelanjaan berlebihan untuk upacara perkahwinan dan adat kelaziman yang lain. Pada tahun 1925 Maharani Kompeni ditubuhkan di Muar dengan modalnya dalam bentuk 5,000 saham, yang tiap-tiap satunya bernilai \$1.00, boleh dibayar secara ansuran. Dalam peraturan syarikat ini membenarkan membeli kebun getah, mengendalikan perniagaan dan mendirikan madrasah. Pertubuhan yang wujud

di Tanah Melayu sehingga pertengahan 1920-an; daripada segi bentuk atau pun matlamat adalah bermotifkan sosial dan ekonomi.

Walaupun perubahan perlahan berlaku dalam arena politik, tetapi pada 1926, muncul Kesatuan Melayu Singapura di bawah pimpinan Mohamed Eunos Abdullah yang bertujuan menggalakkan ahlinya memainkan peranan yang lebih penting lagi dalam bidang pentadbiran dan urusan umum; mencadangkan pendidikan tinggi supaya orang Melayu bertambah semangat mengejar perkembangan pelajaran baru; menjadi wakil orang Melayu berurusan dengan pemerintah dalam hal yang berkaitan dengan hak dan kebebasan orang Melayu dan berjuang untuk meninggikan kemajuan dan kepentingan pelajaran dalam kalangan orang Melayu. Naib Yang Dipertua Persatuan Melayu Singapura ialah Tengku Abdul Kadir dan Imam Haji Mohd. Yusof bin Haji Said; Bendaharinya Haji Embok Suloh bin Haji Omar. Persatuan ini menyuarakan kemajuan bangsa Melayu dan penglibatan dalam kerajaan. Kini muncul pertubuhan orang Melayu yang menyuarakan bukan sahaja sosio-ekonomi, tetapi juga politik. Di Kelantan pula muncul pertubuhan bernama Kelab Putera pada tahun 1929. Kelab ini berjaya menerbitkan akhbar *Putera*. Selain daripada itu terdapat sebuah lagi pertubuhan di Kelantan sebelum 1941, iaitu Persetiaan Melayu Kelantan.

Sementara orang Melayu melalui berbagai pertubuhan membangkitkan kesedaran sosial dan ekonomi dalam kalangan mereka, pada tahun 1930 orang Cina menubuhkan Parti Komunis Malaya (PKM) di Kuala Pilah, Negeri Sembilan. Kejayaan penubuhan PKM ini adalah hasil usaha yang dilakukan kira-kira enam tahun oleh ejen dari negara China. Pembentukan PKM ini adalah inspirasi Rusia untuk mengawal strategik dan ekonomi kawasan utama di Asia Tenggara, menggulingkan kerajaan Negeri Melayu, dan menggantikannya dengan Republik Demokratik Rakyat Kawalan Komunis (*Communist Controlled Peoples' Democratic Republic*).⁴⁷ Walaupun dinyatakan fahaman komunis di Tanah Melayu ini bermula melalui wakil Parti Komunis China, Parti Komunis Laut Selatan (Nanyang (South Seas) Communist Party) yang bergerak sejak tahun 1928,⁴⁸ tetapi fahaman komunis ini disemai di Tanah Melayu sejak tahun 1925 melalui cabang Parti Koumintang.

Dalam usaha mencapai matlamat perjuangan ini, PKM melaksanakan taktik dan strategi awal menyelinap ke dalam pertubuhan buruh dan menyebarkan serta menanamkan fahaman komunis. Matlamat Komunis seluruh dunia di bawah Komunis Antarabangsa menghancurkan politik dan ekonomi bukan komunis dan mengantikannya dengan Kesatuan Dunia Republik Komunis.⁴⁹

Pada 7 April 1934 lahir Sahabat Pena yang menanamkan lagi semangat kesatuan dalam kalangan orang Melayu. Keahliannya terbuka kepada semua orang dengan bayaran pendaftaran lima puluh sen seorang dan yuran tahunan berikutnya dua puluh sen. Ahli digalakkan menulis dalam ruangan kanak-kanak akhbar *Saudara* dan juga mengambil bahagian dalam setiap peraduan yang dikelolakan. Dalam usaha menjaga nama Sahabat Pena supaya tidak tercemar, akhbar *Saudara* mengingatkan ahli Sahabat Pena supaya yang berutus surat

47 WO 106/5990, Secret, "Review of the Emergency in Malaya from June 1948 to August 1957 by the Director of Operations, Malaya", hlm. 3.

48 2006/0007819, "The Communist threat to the Federation of Malaya (F.M.S.) 1959", Paper is a reproduction of Legislative Council Paper No. 23 of 1959, Kuala Lumpur: The Government Press, 1959, hlm. 15.

49 2006/0007819, "The Communist threat to the Federation of Malaya (F.M.S.) 1959", Paper is a reproduction of Legislative Council Paper No. 23 of 1959, Kuala Lumpur: The Government Press, 1959, hlm. 2.

hanya di antara sesama pemuda dan sesama gadis. Wakil Sahabat Pena diwujudkan di Kedah, Perak, Kelantan, Singapura, Sabah dan Sarawak. Apabila Syed Alwi al-Hadi memimpin akhbar *Saudara* pada bulan September 1934, beliau merasakan ruangan kanak-kanak untuk Sahabat Pena tidak sesuai lagi. Dengan itu pada bulan Oktober 1934 beliau menukarkan ruangan itu kepada "Halaman Sahabat Pena". Di samping perlembagaan disusun semula, antara lain mereka yang berumur 16 tahun ke atas yang layak untuk menjadi ahli Sahabat Pena. Hasil yang ketara daripada perjumpaan telah menambahkan jumlah ahlinya. Perkembangan ini dan kecurigaan pemerintah telah menyebabkan usaha diambil oleh jawatankuasa pusat untuk mendapatkan kebenaran pengecualian daripada pendaftaran Undang-Undang Pertubuhan. Dengan permohonan pengecualian dibuat bagi pihak Persatuan Sahabat Pena Malaya (PASPAM). Walaupun di atas nama PASPAM Sahabat Pena bergerak tetapi nama Sahabat Pena masih digunakan untuk pengenalan diri. Setelah disiasati oleh pihak perisik polis cawangan khas Negeri-negeri Melayu Bersekutu, pengecualian diberikan kepada PASPAM pada 20 Mei 1935. Sahabat Pena telah berjaya mengaturkan satu pertemuan di peringkat kebangsaan di Taiping, Perak pada 11 November 1934. Pada 15 April 1934 Maahad II Ihyia Assyariff didirikan di Gunung Semanggul, Perak oleh Uztaz Abu Bakar al-Bakir. Ihyia Assyariff menyumbangkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam kesedaran sosial, ekonomi dan politik Tanah Melayu, sehingga mencapai kemerdekaan. Sebelum perang dunia kedua, Ihyia Assyariff dipengaruhi oleh fahaman Kaum Muda. Pada 1936, bangunan baru siap dibina untuk menampung pelajar puteri. Langkah ini nampaknya selaras dengan fahaman Kaum Muda, tidak mengabaikan pendidikan kepada kaum perempuan.

Pada tahun 1935, keanggotaan Sahabat Pena, melebihi dua ribu orang. Ahli-ahlinya ini tersebar di Tanah Melayu. Walaupun cita-cita politik sudah nampak terbayang, tetapi perjuangannya masih berkisar di sekitar bahasa dan kesusasteraan. Pada 4 Ogos 1935, persidangan kebangsaan Sahabat Pena kali kedua diadakan di Kuala Lumpur. Kehadiran ahli dalam persidangan ini melebihi 100 orang yang datang dari beberapa buah negeri Tanah Melayu. Persidangan ini antara lain menyeru supaya berkerja kuat memajukan orang Melayu. Persidangan kebangsaan berikutnya diadakan di Pulau Pinang (1936), Singapura (1937), Ipoh (1938) dan Seremban (1939). Pertambahan keanggotaan begitu pesat sekali di antara tahun 1936 hingga 1937. Pertengahan 1937 jumlah ahli sampai ke angka hampir 10,000 orang. Pada akhir tahun 1937 perpecahan dalam kalangan pimpinan Sahabat Pena menjadi ketara. Sahabat Pena yang di bawah pimpinan orang Melayu dari negeri-negeri lain di Tanah Melayu mula menyuarai rasa tidak puas hati terhadap pimpinan pusat di Pulau Pinang yang pemimpinnya terdiri daripada orang peranakan (keturunan India dan Arab). Walaupun begitu pada tahun 1938, Sahabat Pena menerbitkan majalah bulanan, PASPAM. Berikutnya pada tahun 1938 juga Sahabat Pena menubuhkan Lembaga Bahasa di Johor Bahru bagi menguruskan pertandingan mengarang terbuka untuk Tanah Melayu. Pada tahun 1940, persatuan ini berjaya menerbitkan *Taman Paspam*, yang mengandungi antaranya, sejarah Sahabat Pena. Sementara Sahabat Pena berselisih di antara mereka pada tahun 1937-38, pada September 1937 Persatuan Melayu Perak ditubuhkan. Kemudiannya diikuti oleh Persatuan Melayu Pahang, Mac 1938 di bawah pimpinan Tengku Ahmad (kerabat diraja Pahang) dan Naib Yang Dipertuanya, Dato' Husin bin Mohd. Taib; Persatuan Melayu Selangor, Julai 1938 di bawah pimpinan Tengku Ismail bin Tengku Mohd. Yasin dan Naib Yang Dipertuanya ialah Raja Bon bin Raja Yahya dan Persatuan Melayu Negeri Sembilan, 9 September 1938.

Menjelang akhir 1930-an pertubuhan politik mulai nampak. Pertubuhan Politik awal ini ialah Kesatuan Melayu Muda. Kesatuan Melayu Muda ditubuhkan pada Mei 1937, dan didaftarkan pada Ogos 1938, di bawah pimpinan Ibrahim Haji Yaacob. Antara tokoh lain yang memainkan peranan dalam Kesatuan Melayu Muda ialah Onan bin Haji Sirat (Naib Yang Dipertua), Abdul Karim Rashid (Setiausaha), Haji Osman bin Abdullah (Bendahari), Hasan bin Manan, Ahmad Boestaman, Isa Mohd. bin Mahmud dan Mustapha Haji Hussein. Matlamat perjuangan Kesatuan Melayu Muda adalah menghindar orang Melayu daripada diperas oleh penjajah dan melahirkan semangat kebangsaan. Juga ingin membebaskan Tanah Melayu daripada penjajah dan bergabung dengan Indonesia mewujudkan “Melayu Raya” atau “Indonesia Raya”. Pelajar Ihyia Assyariff turut terlibat dalam Kesatuan Melayu Muda dan ini membawa kepada penubuhan cawangannya ditubuhkan di Ihyia Assyariff. Pada 1938, Perikatan Melayu Perak ditubuhkan. Antara tokoh-tokoh penting ialah Dato’ Abdul Wahab bin Toh Muda Abdul Aziz (Dato’ Panglima Bukit Gantang), Zainal Abidin Abbas (kemudiannya Dato’ dan Tan Sri), Puteh Mariah binte Ibrahim Rashid, Megat Yunus bin Megat Abdullah dan Raja Kamaruzzaman.

Ketika orang Melayu bergiat dalam politik, orang Cina dan India juga terlibat dalam kegiatan politik masing-masing. Orang Cina di Tanah Melayu memusuhi Jepun yang melancarkan serangan terhadap negeri China pada tahun 1937. Mereka telah menubuhkan *Nanyang Chinese National Salvation Movement*. Pertubuhan ini dibentuk bagi memungut wang untuk dihantar ke China membantu perjuangan menentang Jepun. Begitu juga dengan orang India, pada tahun 1937 telah menubuhkan Persatuan India Pusat Tanah Melayu (*Central Indian Association of Malaya*) di bawah pimpinan Dr. A.M. Soosay. Persatuan yang merupakan gabungan beberapa pertubuhan orang India telah menyuarakan kepada kerajaan British supaya tidak membenarkan penjualan tani dan menjamin pendapatan buruh India tidak diturunkan di ladang-ladang getah. Dalam kegiatan politik ini tumpuan ke atas Tanah Melayu amatlah terhad. Kegiatan politik mereka dipengaruhi oleh negeri asal masing-masing.

Pada 5-6 Ogos 1939 Kongres Se Malaya diadakan dianjurkan di Kuala Lumpur di atas usaha Kesatuan Melayu Singapura dan Persatuan Melayu Selangor. Matlamat perhimpunan ini ialah untuk mengiratkan lagi hubungan, memaju dan mengukuhkan usaha-usaha bangsa dan pertubuhan Melayu. Perhimpunan pada dasarnya bersetuju perlunya diwujudkan gabungan Persatuan Melayu. Namun begitu perbincangan berlarutan mengenai berbagai perkara yang dibangkitkan, termasuk masalah kenegerian, berkerja melalui Raja masing-masing. Perbincangan ini dapat diredakan apabila Ishak bin Haji Muhammad, yang mewakili Kesatuan Melayu Singapura mencadangkan supaya digabungkan persatuan-persatuan Melayu dengan nama Persekutuan Persatuan-Persatuan Melayu Semenanjung Tanah Melayu berpusat di Kuala Lumpur. Berikutnya pada 21 Ogos 1939 Kesatuan Melayu Johor ditubuhkan. Pada 25-26 Disember 1940, Kongres kedua diadakan di Singapura. Dalam kongres ini 41 orang wakil hadir, mewakili 11 buah pertubuhan dari negeri Singapura, Pulau Pinang, Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Kelantan, Perak, Sarawak, Brunei dan Johor. Kongres ini berlangsung di Bangunan Guru-Guru Melayu Singapura, pengerusinya Tengku Ismail (Selangor) dan setiausahanya Ishak bin Haji Muhammad (Kesatuan Melayu Singapura). Perbincangan di sekitar kemajuan dan kepentingan bangsa Melayu. Misalnya seorang Melayu hendaklah dilantik sebagai Penolong Pengarah Pendidikan dan mewakili utusan ke luar negeri; menggesa memudahkan pelajaran bahasa Inggeris supaya boleh diikuti oleh orang Melayu dan meningkat had umur untuk

kanak-kanak berpengetahuan Melayu untuk memasuki Sekolah Inggeris. Walaupun nada dan matlamat perjuangan hampir sama, untuk kepentingan bangsa Melayu, tetapi kongres ini gagal melahirkan gabungan persatuan Melayu. Perbincangan ditangguhkan kepada kongres berikutnya yang dijangkakan akan diadakan pada tahun 1941 di Ipoh. Perhimpunan tidak dapat diadakan kerana pada tahun 1941 tentera Jepun mulai melancarkan serangan ke atas Tanah Melayu.

Jepun menyerang Tanah Melayu melalui Kelantan pada Disember 1941, dan akhirnya mentadbir Tanah Melayu setelah tentera British menyerah kalah pada 15 Februari 1942. Menjelang serang Jepun, pada tahun 1940, kira-kira 150 orang ahli Kesatuan Melayu Muda ditahan British kerana disyaki terlibat dalam kegiatan menyokong Jepun. Ketika pemerintahan tentera Jepun, lahir pula pertubuhan, antaranya Kesatuan Rakyat Istimewa (KRIS), dan Pembela Tanah Air (PETA).

Pada tahun 1945, Jepun menyerah kalah dan British kembali semula berkuasa di Tanah Melayu. Pentadbiran diletakkan di bawah Pentadbiran Tentera British. Berikutnya pada Oktober 1945 lahir sebuah pertubuhan politik, Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM). Parti ini pada mulanya dipimpin oleh Mukhtaruddin Laso; kemudiannya dipimpin oleh Dr. Burhanuddin al-Helmi. Pada tahun 1946 lahir pula Lembaga Kesatuan Melayu Johor pimpinan Dr. Hamzah; Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor pimpinan Dato' Onn bin Jaafar.

Setelah Jepun menyerah kalah, *Malayan Anti-Japanese Army* (MPAJA) yang sebelum ini berkerjasama dan membantu British menentang Jepun mengambil kesempatan memerintah Tanah Melayu. Kumpulan ini berjaya memerintah selama dua minggu sebelum tentera British mengambil alih Tanah Melayu. Pegawai tentera British mengisytiharkan memberi kuasa kepada *Chief Civil Affairs Officer Malaya* untuk menguruskan pentadbiran Tanah Melayu bagi pihak Tentera British. Kemudiannya pada tahun 1946, kerajaan British memperkenalkan *Malayan Union* di Tanah Melayu, setelah Sir Harold MacMichael mendapat tandatangan daripada semua Raja-raja Melayu. Pengenalan *Malayan Union* ini mencetuskan tentangan daripada orang Melayu. Mereka tidak puas hati terhadap kerakayatan yang longgar diberikan kepada orang asing, dan kehilangan kuasa raja Melayu, yang hanya berkuasa dalam adat dan agama Islam sahaja.⁵⁰ Dalam pada itu akhbar tempatan turut memainkan peranan menyiarkan makalah menentang *Malayan Union*. Antara akhbar yang memainkan peranan: *Malay Mail*, *Majlis*, dan *Utusan Melayu*. Antara tokoh yang lantang menentang *Malayan Union* ialah Dato' Onn bin Jaafar.

Dalam gerakan menentang *Malayan Union* ini, Dato' Onn menyeru orang Melayu bersatu menentang *Malayan Union*. Dato' Onn juga menulis surat kepada Persatuan Melayu Johor di bawah pimpinan Dato' Abdul Rahman bin Muhammad Yasin untuk bersama menentang *Malayan Union*. Dengan itu Dato' menentang *Malayan Union*. Lembaga Kesatuan Melayu Johor melancarkan gerakan menentang *Malayan Union* di Johor Bahru pada awal Januari 1946. Perhimpunan ini disertai oleh Persatuan Melayu Johor. Dalam rapat ini Ungku Omar Abdullah, Naib Presiden Lembaga Kesatuan Melayu, doktor Hamzah

50 C.O. 717/179, Alec kepada H.T. Boundillon, 6 Disember 1947, terlampir "Reconstruction in Malaya by A.J. Newbould".

berucap menentang Malayan Union.⁵¹ Dalam pada itu Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor di bawah pimpinan Dato' Onn juga berhimpun melancarkan gerakan menentang Malayan Union. Pergerakan Melayu Semenanjung, Johor ini berarak mengelilingi pekan Batu Pahat bersama kira-kira 15,000 orang pada 10 Februari 1946, dan membawa sepanduk Tak Melayu Hilang Di Dunia.⁵²

Bermula dari sini Dato' Onn digesa ke hadapan membimbing orang Melayu membentuk sebuah persatuan. Perkara ini ditulis oleh Mohd. Yunus Hamidi di dalam rencana pengarang akhbar *Majlis*. Dalam pada itu akhbar *Utusan Melayu* dan *Majlis* menggesa Dato' Onn meluaskan Pergerakan Melayu Johor, Semenanjung ke seluruh Tanah Melayu. Dato' Onn menyahut cabaran ini di mana menulis dalam *Utusan Melayu* pada 23 Januari 1946 menggesa diadakan kongres membincangkan mengenai Malayan Union. Sekali lagi gesaan Dato' Onn ini disokong oleh akhbar *Utusan Melayu*, *Majlis*, dan *Warta Negara*.⁵³

Dalam usaha menganjurkan kongres ini Melaka dipilih Dato' Onn, pemimpin Pergerakan Melayu Johor, Semenanjung bagi menganjurkan kongres yang akan diadakan di Melaka pada 1-4 Mac 1946. Oleh kerana Melaka menghadapi kekurangan kakitangan untuk menganjurkan kongres ini, tanggungjawab menganjurkan kongres diserahkan pula kepada Persatuan Melayu Selangor yang dipimpin oleh Zainal Abidin Ahmad (lebih dikenali sebagai Za'ba). Persatuan Melayu Selangor beberapa kali mengadakan mesyuarat di rumah Za'ba di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Walaupun menghadapi berbagai masalah, misal kewangan tetapi berkat gigih dan tabah dalam perjuangan, perkara ini dapat diatasi. Dalam pada itu akhbar *Utusan Melayu*, *Warta Negara*, dan *Utusan Melayu* terus meneruskan menyiarkan tulisan membakar orang Melayu, dan menghebahkan kongres yang bakal diadakan.

Kegigihan dan usaha pemimpin dan anggota Persatuan Melayu Selangor, Kongres Melayu berjaya diadakan pada 1-4 Mac 1946 di Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur. Dalam kongres ini 41 buah pertubuhan Melayu menghantar wakil, dan antaranya wakil orang asli. Kongres ini dipengerusikan oleh Za'ba. Kemudiannya kongres memilih Dato' Onn sebagai pengerusi kongres. Dalam ucapannya Dato' Onn menyatakan nasib bangsa Melayu bergatung kepada kesatuan hati antara orang Melayu sendiri. Oleh itu sebuah pertubuhan Melayu wajar dibentuk untuk perpaduan dan membaiki bangsanya. Dengan Dato' Onn mencadangkan pertubuhan yang hendak dibentuk itu dinamakan United Malays Organisation (UMO) atau Pertubuhan Melayu Bersatu. Kongres membahaskan perkara ini, dan hampir semua menerima cadangan tersebut. Namun begitu Za'ba mengesyorkan dimasukkan perkataan *Nasional* atau Kebangsaan, yang membawa nama United Malays National Organisation (Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu = PEKEMBAR).⁵⁴

Kongres ini mengambil keputusan, antaranya: perjanjian yang ditandatangani oleh Raja-raja Melayu adalah tidak sah dan terbatal kerana tidak menurut perlembagaan

51 Ramlah Adam, "Pergolakan Politik di Johor 1946-1948", *JEBAT*, Bil. 19, 1991, hlm. 85.

52 Ramlah Adam, *Dato' Onn Jaafar Pengasas Kemerdekaan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992, hlm. 76; "Pergolakan Politik di Johor 1946-1948", hlm. 87.

53 Ramlah Adam, "Pergolakan Politik di Johor 1946-1948", hlm. 91-92.

54 SPSAH, 60/E/16, "U.M.N.O. Apa Erti-nya? (Dari Mana dan Bagaimana Jadinya)"

hak pusaka, adat resam serta amalan tiap-tiap negeri Melayu; cara mendapatkan tandatangan Raja-raja Melayu adalah bercanggah dengan dasar demokrasi kerana tanpa pengetahuan dan persetujuan rakyat; dan bercanggah dengan semangat Piagam Atlantik kerana Raja England hendak mengambil kuasa penuh daripada Raja-raja Melayu. Berdasar perkara ini kongres mendesak Raja England menarik balik segala yang tercatat dalam perlembagaan Malayan Union.⁵⁵ Selain itu sebuah jawatankuasa dibentuk, dianggotai: Dato' Onn sebagai ketua, Dato' Nik Ahmad Kamil, Dato' Panglima Bukit Gantang Abdul Wahab, Dato' Hamzah bin Abdullah, dan Za'ba untuk menggubal perlembagaan UMNO.⁵⁶ Resolusi kongres ini dihantar kepada Perdana Menteri British.⁵⁷

Manakala Raja-raja Melayu juga menyatakan hasrat akan menghantar wakil baginda ke London untuk menyuarakan bantahan terhadap Perjanjian 1946. Sultan Abdul Aziz Perak menulis surat kepada Viscount Elibank, ahli parlimen Parti Konsevertif supaya kerajaan British memberi perhatian menjaga keistimewaan Raja-raja Melayu. Gerakan Raja-raja Melayu dan UMNO ini menyebabkan kerajaan British berunding dengan Raja-raja Melayu dan wakil UMNO. Pada 27 Mei 1946, kerajaan British Tanah Melayu berunding dengan Raja-raja Melayu mengenai Persekutuan, mengetatkan taraf kerakyataan, mengiktirafkan kedaulatan Raja-raja Melayu, taraf naungan negeri-negeri Melayu, dan perlantikan Pesuruhjaya Tinggi. Dalam rundingan di antara Edward Gent dan MacDonald di Kuala Kangsar pada 27 Mei 1946 dengan Raja-raja Melayu, antara lain Raja Melayu menuntut Persekutuan; perjanjian baru menggantikan Perjanjian MacMichael; Pesuruhjaya Tinggi menggantikan Gabenor; hak pengampunan raja dikekalkan; tanah milik negeri dalam kawalan raja; dan persekutuan bertaraf naungan dan bukan tanah jajahan.⁵⁸ Begitu juga dengan UMNO menolak Kesatuan dan menggantikan dengan Persekutuan.⁵⁹

Dato' Onn bersama UMNO meneruskan perjuangan menentang Malayan Union, demi memulih maruah bangsa Melayu, dan Raja-raja Melayu. Perjuangan UMNO ini mendapat sokongan ahli parlimen Parti Konsevertif, L.D. Gammans. L.D. Gammans melawat Tanah Melayu bersama seorang wakil Parti Burh, David Rees Williams. Dato' Onn mengambil kesempatan lawatan ahli parlimen British ini bertindak sebagai pemandu, membawa mereka melawat. Antara tempat yang dilawati: Johor Bahru dan Kajang pada 28 Mei 1946, Seri Menanti dan Rembau, 29 Mei 1946, Alor Setar, 5 Jun 1946, dan Pulau Pinang, 7 Jun 1946. Di samping UMNO pula menggalakkan orang Melayu datang beramai-ramai berkumpul menunjukkan perasaan anti-Malayan Union kepada rombongan yang disertai L.D. Gammans dan David Rees Williams ini. Kesan lawatan ini menyebabkan L.D. Gammans membangkitkan dalam parlimen, supaya kerajaan British membuat perjanjian baru menggantikan perjanjian 1946. Dalam ucapannya itu, antara lain L.D. Gammans memaklumkan yang orang Melayu merasakan mereka ditipu oleh kerajaan British. Sementara itu David Rees Williams juga menyokong pandangan L.D. Gammans.

55 *UMNO Sepuluh Tahun 1946-1956*, hlm. 26. Anwar Abdullah, *Dato' Onn*, hlm. 141-143.

56 *UMNO 38 Tahun Zaman Gemilang*, Kuala Lumpur: AMW Communications Managements, 1985, hlm. 4.

57 Sir George Maxwell's Papers, "Resolution Passed by PanMalay Congres Convened Kuala Lumpur 1st March".

58 Mohd. Ashraf Ibrahim, *Gagasan Bangsa Malayan yang Bersatu 1945-57*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2004, hlm. 102.

59 *Ibid.*, hlm. 103.

Sementara itu wakil UMNO pula berbincang dengan Gabenor Malayan Union Sir Edward Gent di Kuala Kangsar, Perak pada 29 Mei 1946, dan sekali lagi pada 18 Jun 1946 di Pulau Pinang. Dalam kedua-dua perbincangan Dato' Onn menyatakan UMNO tetap menolak Malayan Union. Begitu juga dalam rundingan 26 Jun 1946, di Pulau Pinang, Dato' Onn menolak cadangan Setiausaha Tanah Jajahan, Sir George Hall yang ingin mengekalkan kuasa undang-undang di tangan Raja England. Dato' Onn mewakili UMNO terus menyatakan menolak Malayan Union. Sikap tegas yang ditunjukkan Dato' Onn dalam rundingan dan perbincangan menyebabkan Sir Edward Gent, dan Sir Malcolm MacDonald, Gabenor Umum (*Governor General*) Asia Tenggara memanjangkan simpati orang Melayu ke Sir George Hall di Pejabat Tanah Jajahan di London. Sir George Hall seterusnya meminta Sir Malcolm MacDonald menerima tuntutan orang Melayu yang disuarakan Dato' Onn itu. Sudah pasti perubahan sikap pegawai British ini kerana sikap tegas dan penentangan berterusan yang ditunjukkan oleh orang Melayu terhadap Malayan Union.

Perbincangan mengenai Malayan Union diteruskan lagi pada 18 Julai 1946, dan kali ini diadakan di King's House, Kuala Lumpur. Dalam perbincangan ini Dato' Onn dan Raja-raja Melayu menuntut diberi peluang mengemukakan cadangan balas terhadap Malayan Union. Kemudiannya perbincangan diadakan lagi pada 24 Julai 1946. Dalam perbincangan ini, cadangan Dato' Onn memasukkan Melaka dan Pulau Pinang ke dalam Persekutuan diterima Raja-raja Melayu dan pegawai British. Begitu persetujuan dicapai bahawa rakyat Persekutuan hendaklah memberi taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu, dan bukan kepada Raja England. Juga mesyuarat bersetuju bahawa perundangan Persekutuan ditentukan oleh Persekutuan, dan bukan oleh kerajaan British.

Dalam langkah seterusnya sebuah Jawatankuasa Kerja (*Working Committee*) dibentuk untuk menggubal perlembagaan baru menggantikan Malayan Union. Jawatankuasa ini terdiri: wakil kerajaan British: A.T. Newbolt (Ketua Setiausaha Malayan Union), K.K. O'Connors (Peguam Negara Malayan Union), W.D. Godsall (Setiausaha Kewangan), Dr. W. Linehan (Perkhidmatan Awam Tanah Melayu), A. William (Perkhidmatan Awam Tanah Melayu); manakala wakil Raja-raja Melayu: Raja Kamaralzaman, Dato' Hamzah, Haji Mohamad Shariff dan Dato' Setia; wakil UMNO pula, Dato' Onn, Dato' Abdul Rahman dan Megat Yunus. Jawatankuasa ini memulakan mesyuarat pada 6 Ogos 1946. Dalam perbincangan pada 20 November 1946, Dato' Onn menyatakan tidak bersetuju dengan cadangan British bahawa taraf kerakyatan Persekutuan diberikan kepada mereka yang mengaku taat setia kepada Persekutuan. Manakala Dato' Onn yang mendapat sokongan daripada Raja-raja Melayu menyatakan taraf kerakyatan terbuka dan hanya didasarkan kepada rakyat raja negeri Melayu sahaja. Walaupun begitu mesyuarat mencapai persetujuan taraf kerakyatan Persekutuan terbuka kepada orang asing, tetapi melalui syarat yang ketat; dan taraf kerakyatan *Jus Soli* hanya untuk orang Melayu sahaja. Dengan itu draf perlembagaan Persekutuan diterima pada Disember 1946.

Sementara itu kerajaan British menubuhkan sebuah jawatankuasa yang dipengerusikan oleh H.R. Cheesman, dan anggotanya bukan Melayu untuk mendapatkan pandangan kepentingan orang bukan Melayu. Jawatankuasa ini terdiri: H.R. Cheesman sebagai Pengerusi, ahlinya, M.C.R. Doraisamy Aiyer, S.B. Palmer, A. Arthunott, C.F. Gomes, J.S. Goonting, Leong Yew Koh dan C.P.R. Menon. Jawatankuasa bermesyuarat beberapa kali dan menerima berbagai memorandum daripada individu dan pertubuhan. Laporan

Cheesman dibincangkan oleh Majlis Penasihat Malayan Union pada 10 April 1947. Semua ahli keturunan Cina menyokong cadangan H.S. Lee dan Leong Yew Koh yang menyatakan kewarnegaraan layak kepada rakyat raja Melayu, rakyat British, mereka yang lahir di negeri Melayu dan tinggal tetap di Negeri Selat, dan bapa mereka warganegara persekutuan.⁶⁰ Perkara ini dibawa dalam perbincangan Jawatankuasa Kerja pada 17 April 1947. Dalam perbincangan wakil Raja-raja Melayu dan UMNO menolak cadangan laporan Cheesman ini. Dengan itu pada 24 Disember 1947, MacDonald mengisytiharkan perlembagaan persekutuan akan dikuatkuasa secepat mungkin.

Walaupun begitu Parti Kebangsaan Melayu pimpinan Dr. Burhanudin yang bermesyuarat agung pada 29 Disember 1946 di Melaka mengecam Dato' Onn dan cadangan perlembagaan Jawatankuasa Kerja. Antara lain Dr. Burhanuddin menyatakan tidak demokratik kerana tidak mendapat pandangan daripada rakyat; sebaliknya menerima Persekutuan Tanah Melayu yang bentuk sama seperti Tanah Melayu sebelumnya. Dato' Onn menjawab cemuhan Dr. Burhanuddin ini di dalam mesyuarat agung UMNO di Alor Setar, Kedah yang berlangsung pada 10 Januari 1947. Dalam jawapannya itu, antara lain Dato' Onn menyatakan orang Melayu belum bersedia untuk menguruskan negara jika merdeka. Perlembagaan Persekutuan juga dibawa ke dalam mesyuarat agung UMNO yang berlangsung di Alor Setar pada 10 Januari 1947 itu. Dalam persidangan ini Dato' Onn menggesa ahli menerimanya. Jika tidak beliau akan meletakkan jawatan. Cadangan UMNO ini dibawa Majlis Penasihat Malayan Union (*Malayan Union Advisory Council*) sebuah badan perundangan tertinggi dalam kerajaan Malayan Union yang mana ahlinya terdiri daripada Gabenor Umum, Gabenor dan ahli yang dilantik oleh Gabenor Malayan Union. Perlembagaan Persekutuan dan Jawatankuasa Kerja yang ditubuhkan bagi menggubal perlembagaan Persekutuan, menggantikan Malayan Union mendapat kecaman dan cemuhan daripada *Council of Joint Action*, dianggotai bukan Melayu yang ditubuhkan di Singapura pada Oktober 1946. *Council of Joint Action* berkembang ke Tanah Melayu dan namanya ditukar sebagai *Pan Malayan Council of Joint Action* pada tahun 1947, dan pada tahun yang sama namanya ditukar lagi sebagai *All Malayan Council of Joint Action*. Pertubuhan ini disertai Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA), cabang PKMM yang ditubuhkan pada 22 Februari 1947. PUTERA lebih tegas menentang Dato' Onn dan UMNO. Seterusnya *All Malayan Council of Joint Action* (AMCJA) dan PUTERA mengisytiharkan perlembagaan yang dipanggil Perlembagaan Rakyat pada tahun 1947. Gabungan AMCJA-PUTERA dirujuk sebagai gabungan berbagai kaum; model asli kerjasama antara kaum dan pembinaan bangsa dalam sejarah Tanah Melayu.⁶¹

Perjuangan ACMJA-PUTERA ini adalah berasaskan kepada tidak puas hati mereka terhadap cadangan Perlembagaan Persekutuan, dan Jawatankuasa Penggubal Perlembagaan Persekutuan. Dalam pada itu dinyatakan rundingan Perlembagaan Persekutuan itu tidak demokratik kerana British hanya berunding dengan Raja-raja Melayu dan UMNO sahaja, tetapi perlu diambil perhatian, bahawa ada pandangan yang menyatakan, sebagai negeri Melayu amatlah wajar orang Melayu yang menentukan nasib tanah air dan masa depan

60 Ibid., hlm. 116.

61 Kua Kia Soong, *Patriot & Pretenders*..., hlm. 65.

mereka. Samatelahan lagi, sebelum tahun 1948, belum lahir Persekutuan Tanah Melayu dan warga negara Persekutuan.

Perlembagaan Rakyat yang dikemukakan tidak mendapat layanan kerajaan British. Gabenor Umum Malcom MacDonald menyatakan Perlembagaan ini sebagai idealistik dan tidak praktikal. Sehubungan itu mereka melancarkan hartal, mogok ekonomi di seluruh Tanah Melayu pada 19 Oktober 1947, dan mendesak kerajaan British mempertimbangkan Perlembagaan Rakyat, tetapi gagal. Perkara yang penting dan wajar sekali diberi perhatian di sini, siapakah dalang pemogokan itu? Dan adakah PKM tidak terlibat aktif sebagai penghasut? Sememangnya sejak tahun 1930-an PKM seringkali mempengaruhi pergerakan kesatuan sekerja, sehingga mencetuskan mogok dalam kalangan pekerja. Sehubungan itu persoalan boleh ditimbulkan di sini; apakah pemogokan itu menuntut kemerdekaan atau hanya menuntut untuk kepentingan buruh atau pekerja?

Pada tahun 1938 – 1941, sebahagian besar pekerja separuh dan tidak mahir bersimpati kepada PKM. Kemudiannya setelah British menduduki semula Tanah Melayu pada tahun 1945, setelah Jepun menyerah kalah, General Labour Union (GLU) di bawah kawalan Komunis. Pada September 1946, GLU menubuhkan cawangan di tiap-tiap negeri, dan negeri selat. Seterusnya pada Oktober 1946, GLU disusun semula sebagai *Central Pan-Malayan Federation of Trade Unions*.⁶² Pada penghujung tahun 1947, 289 kesatuan mendaftar, dan 117 daripadanya di bawah kawalan komunis *Pan-Malayan Federation of Trade Unions*; 86 bebas, dan 86 lagi tidak jelas. PKM terlibat bersama GLU menghasut dan merancang pekerja menjalankan mogok.⁶³

Desakan dan hartal tidak menghalang pengisytiharan Perlembagaan Persekutuan. Pada 20 Januari 1948 perbincangan diadakan di King's House, Kuala Lumpur antara wakil UMNO, Raja-raja Melayu dan British. Dalam perbincangan ini persetujuan dicapai mengenai Perlembagaan Persekutuan. Dengan itu Perjanjian Persekutuan ditandatangani di antara Raja-raja Melayu dengan Kerajaan British ditandatangani pada 21 Januari 1948. Berikutnya pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu terbentuk, dan orang Melayu berjaya menghapuskan *Malayan Union*.⁶⁴

Sementara itu PKM yang tidak puas hati terhadap Persekutuan melancarkan pemberontakan bersenjata pada tahun 1948. Pemberontakan komunis ini menyebabkan Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan darurat pada tahun 1948. Seiringan dengan itu, kerajaan persekutuan juga mengharamkan PKM, PKMM, Angkatan Pemuda Insap (API), Angkatan Wanita Sedar (AWAS), dan Hisbul Muslimin. PKM menyebarkan fahaman kepada khlayak, menyatakan pemberontakan bersenjata yang dicetuskan pada tahun 1948 adalah menentang British. Dengan itu perjuangan mereka adalah menghalau British dari Tanah Melayu. Pada perjuangan PKM di bawah kawalan Rusia dan China, dan bermotifkan

62 Sel. Sec 658/1950, Annual Report of the Trade Union Registry, Federation of Malaya for 1949, hlm. 1.

63 1998/0003861, *Malayan Communist Party*.

64 Perbincangan penentangan terhadap *Malayan Union*, dan berakhir dengan Pengisytiharan Persekutuan Tanah Melayu didasarkan kepada Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang *Malayan Union* dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", Abu Bakar Hamid, Abdullah Zakaria bin Ghazali, Ramlah Adam et-al. *UMNO Johor 50 Tahun: Memartabatkan Bangsa Melayu*, Kuala Lumpur: Yayasan Warisan Johor dan Berita Publishing Sdn. Bhd., 1996, hlm. 43-58.

penubuhan Republik Rakyat Komunis Malaya; memenuhi matlamat dan perjuangan Komunis Antarabangsa (atau *Commintern* = *Communist International*). Dengan itu hakikat perjuangan PKM bukanlah membebaskan Tanah Melayu daripada belenggu British seperti didakychannya, tetapi penubuhan Republik Rakyat komunis Malaya.

Dalam pada itu PKM melakukan berbagai kekejaman, misalnya serangan terhadap kemudahan awam. Serangan ini menimbulkan kesusahan penduduk tempatan bergerak kerana keselamatan mereka tidak terjamin. Serangan terhadap ladang dan lombong menyebabkan keselamatan buruh tidak terjamin. Sepanjang tahun 1948, pengganas komunis melancarkan 47 kali serangan terhadap keretapi. Walaupun tidak ada yang terbunuh atau cedera parah,⁶⁵ tetapi mengganggu pergerakan pendudukan tempatan yang menggunakan kemudahan keretapi. Pada 12 Julai 1948, PKM menjadi dalang mogok lombong Batu Arang, Selangor. Dalam mogok terancang ini, lima orang Cina terbunuh, kerosakan peralatan lombong, dan kehilangan bahan letupan.⁶⁶

Kerajaan Persekutuan mengambil langkah untuk mengawal dan mengatasi pemberontakan komunis ini. Antaranya menjalankan kempen seluruh negara pada 26 Jun 1948 rekrut pemuda menyertai pasukan sukarela sebagai Mata-mata Khas (*Special Constable*). Kempen ini lebih ramai disambut oleh pemuda Melayu dari kawasan kampung. Dalam tempoh enam bulan seramai 28,000 orang menyahut panggilan ini. Jumlah Mata-Mata Khas ini meningkat 30,000 pada tahun 1949; dan terus meningkat, 34,000 pada tahun 1950, dan 41, 585 pada 31 Mac 1953. Rekrut juga dibuat dalam kalangan wanita. Jumlahnya bermula 87 orang pada tahun 1948, dan meningkat 853 pada tahun 1957.⁶⁷ Pasukan Khas yang semua anggotanya 900 orang Cina hanya ditubuhkan di Perak pada tahun 1952 untuk melindungi lombong bijih timah.⁶⁸

Walaupun Persekutuan Tanah Melayu masih dalam perintah darurat, UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn terus menjalankan usaha membangung orang Melayu. Namun UMNO mengalami kejutan apabila mendapat tahu Dato' Onn Jaafar menyatakan hasratnya "merenggangkan" dari *United Malays National Organisation* (UMNO) dan akan menubuhkan Parti Kemerdekaan Malaya (*Independence of Malaya Party* = IMP). Namun seruan terus dibuat UMNO meneruskan perjuangan parti, terutamanya mencari seorang pemimin parti baru. Pemimpin yang dipilih nanti hendaklah "...yang bukan hanya mahu dalam pentadbiran tetapi bijak dan mempunyai sifat-sifat pemimpin yang tulin".⁶⁹ Dengan ini pucuk pimpinan UMNO disandang oleh Tunku Abdul Rahman Putra melalui pemilihan dalam Persidangan Tahun Keenam Majlis Mesyuarat Agung UMNO yang akan berlangsung pada 25 dan 28 Ogos 1951. Dalam pemilihan tersebut Tunku Abdul Rahman Putra dipilih sebagai Yang Dipetua UMNO untuk tahun 1951/1952. Dalam ucapan terakhirnya, Dato' Onn menyatakan UMNO yang diserahkan untuk dipandu dan diterajukan oleh Tunku Abdul Rahman Putra al-haj "... masih subur dan kuat perdiriannya dan UMNO yang

65 Sel. Sec 2565/1949, Annual Report of the Malayan Railway for the year 1948.

66 Sel. Sec 462/1949, Annual Report, 1948 – Mines Department, Selangor, hlm. 2.

67 JP (K/P) 96/60, "Notes on the Emergency", Appendix B "Special Constabulary and area security units", hlm. 7.

68 JP (K/P) 96/60, "Notes on the Emergency", Appendix E "The Homeguard during the emergency", hlm. 4.

69 *Suara UMNO*, 1 Julai 1951.

diharapkan akan menjadi lebih subur dan lebih kuat dalam masa dipandu dan diterajukan oleh Yang Amat Mulia Tunku Yang Dipertua".⁷⁰

Tunku Abdul Rahman berpendapat kemerdekaan hendaklah dicapai melalui perlembagaan, kerana Tanah Melayu menyerahkan kemerdekaan kepada British melalui perjanjian atau perlembagaan. Dalam pada itu Tunku Abdul Rahman menegaskan yang kemerdekaan Tanah Melayu tidak wajar diserahkan kepada Malayan, kerana British menerima negara ini daripada orang Melayu; dan takrif Malayan belum ditentukan lagi. Dengan itu kemerdekaan Tanah Melayu wajar diserahkan kepada orang Melayu dan biarlah orang Melayu yang akan memberi takrif Malayan.

Walaupun begitu Tunku Abdul Rahman tidak lupa kepada orang Cina dan India yang menduduki Tanah Melayu. Beliau sedar yang orang Cina dan India tidak bersama orang Melayu menentang *Malayan Union* pada tahun 1946-1948, kerana mereka datang mencari nafkah hidup dan mereka tidak ada kaitan dengan pemerintahan Tanah Melayu, serta orang Melayu menuntut hak mereka sendiri. Tunku Abdul Rahman menyeru bangsa Melayu bersatu dan dengan itu baru dapat menuntut kemerdekaan daripada British. Selain itu mengingatkan Raja-Raja Melayu jangan dijadikan alat kepada bangsa asing yang boleh mematahkan perjuangan, cita-cita dan merosakkan bangsa Melayu. Tunku Abdul Rahman menyatakan pada tahun 1946, bangsa Melayu bangkit bersatu dan berjaya meruntuhkan *Malayan Union* dan seterusnya bangsa Melayu bersatu bangkit meruntuhkan Persekutuan Tanah Melayu yang tidak lagi berguna dan bermakna serta mendirikan kemerdekaan bangsa Melayu.⁷¹

Pada tahun 1952, kerajaan meminda Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu mengenai kerakyatan. Pindaan itu menggantikan syarat bermastautin semalam 15 tahun, kedua-dua ibu bapa lahir di Tanah Melayu kepada salah satu daripada: (a) tinggal di Tanah Melayu selama sepuluh tahun daripada 12 tahun, berkelakuan baik; boleh bercakap Melayu atau Inggeris dan berniat tinggal kekal di Persekutuan, (b) rakyat United Kingdom atau Jajahan British dan hendaklah lahir disalah satu negeri Melayu dan salah seorang ibu bapa lahir di Tanah Melayu, atau (d) lahir di Persekutuan, tidak meninggalkan Negara lebih daripada lapan tahun daripada sepuluh tahun permohonan dibuat; boleh bercakap bahasa Melayu atau Inggeris; bersedia menggugurkan kerakyatan atau kewarganegaraan. Dengan pindaan ini dijangka antara 30-60 peratus orang Cina dan 30 orang India akan layak menjadi warga negara Persekutuan. Anggaran dibuat, 1,157,000 orang Cina dan 255,000 orang India akan menjadi warga negara pada tahun 1953.⁷²

Hasil daripada gesaan dan tuntutan UMNO, kerajaan British mengadakan pilihan raya perbandaran. Pilihan raya ini adalah ke arah Persekutuan Tanah Melayu berkerajaan sendiri. Dalam pilihan raya Perbandaran Kuala Lumpur 1952 berlaku satu perkembangan

70 *Suara UMNO*, 1 September 1951, hlm. 14.

71 *Suara UMNO*, 15 September 1951, hlm. 21. "Ucapan Yang Amat Mulia Tunku Abdul Rahman Putra setelah terpilih menjadi Yang Dipertua UMNO Dalam Persidangan Majlis Mesyuarat Agung di Kuala Lumpur, pada 25 dan 26 Ogos 1951".

72 Oong Hak Ching, *Chinese Politics in Malaya 1942-55: The Dynamics of British Policy*, hlm. 188-189; Tan Liok Ee, *The Politics of Chinese Education in Malaya 1945-1961*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1997, hlm. 86.

baru dalam politik Tanah Melayu. Dalam pilihan raya ini, Yahya mewakili UMNO Kuala Lumpur, manakala pengerusi MCA Selangor, H.S. Lee mewakili MCA Selangor berunding untuk membentuk pakatan.⁷³ Rundingan ini mewujudkan gabungan UMNO-MCA yang dikenali Perikatan. Hasil daripada pakatan ini, UMNO-MCA memenangi 9 kerusi daripada 12 kerusi yang dipertandingkan; IMP memenangi 2 kerusi dalam pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur yang berlangsung pada 16 Februari 1952.⁷⁴

Pakatan UMNO-MCA dalam pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur direstu oleh Yang Dipertua UMNO, Tunku Abdul Rahman dan Timbalannya, Dato' Abdul Razak bin Hussin. Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa pakatan itu sebagai kerjasama sahaja; dengan itu tidak bercanggah dengan undang-undang tubuh UMNO. Selain itu Tunku Abdul Rahman menyatakan UMNO bahagian boleh membuat keputusan sendiri asalkan tidak bercanggah dengan undang-undang tubuh UMNO. Begitu juga dengan Dato' Abdul Razak menyambut baik kerjasama tersebut.⁷⁵ Dalam rundingan dengan kerajaan British, Tunku Abdul Rahman menyarankan kemerdekaan Tanah Melayu diberikan sebaik sahaja darurat tamat. Oliver Lyttelton, Menteri Jajahan Takluk British dari Parti Konsevertif memberi jaminan kerajaan British akan memberi kemerdekaan apabila darurat tamat dan penduduk Tanah Melayu bersatu padu. Menyedari salah satu syarat yang dikemukakan oleh kerajaan British untuk Tanah Melayu mencapai kemerdekaan ialah semua kaum di Tanah Melayu bersatu, Tunku Abdul Rahman merujuk kepada kerjasama UMNO-MCA dalam pilihanraya Perbandaran Kuala Lumpur yang membuahkan kejayaan cemerlang.⁷⁶ Tunku Abdul Rahman memanjangkan usul kepada Tan Cheng Lock pemimpin MCA berunding. Cadangan ini disetujui Tan Cheng Lock dan mengesyorkan pembentuk sebuah jawatankuasa hubungan Melayu-Cina.⁷⁷

Parti Perikatan yang dimulakan dengan pakatan UMNO-MCA dikembangkan lagi dengan gabungan Malayan Indian Congress (MIC). Parti Perikatan ini antaranya bertujuan:

- i. Membentuk, menjaga dan mempertahankan tujuan berparliament sechara democracy di-Malaya.
- ii. Berkerja untok menchapai berkerajaan sendiri dan kemerdekaan Malaya sechara halal dan berpelembagaan.
- iii. Mempertahankan kedudukan Duli Yang Maha Mulia Raja2 Melayu sebagai Ketua Negara yang berpelembagaan didalam negeri masing2.
- iv. Membentuk, menjaga dan mempertahankan kebebasan beragama, berfikir dan berchakap, dan juga berhimpun dan berpersatuan sechara aman.

73 Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, MBRAS Monograph 31, Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society, 2002, hlm. 21.

74 Joseph M. Fernando, *The Making of the Malayan Constitution*, hlm. 29.

75 *Suara UMNO*, 15 Januari 1952, hlm. 20.

76 *Suara UMNO*, 15 April 1952, hlm. 4. "Ucapan Yang Dipertua UMNO (Malaya) dalam Majlis Mesyuarat Agong UMNO Pada 29 Mac 1952".

77 *Suara UMNO*, 1 Oktober 1952, hlm. 3.

- v. Merapat dan menjaga persahabatan di-antara kaum dan menjaga kepentingan kaum2 kecil.
- vi. Membentok dan menjaga kebangsaan Malaya yang bersatu.
- vii. Memperbaiki kehidopan dan keselamatan penduduk2 Malaya.
- viii. Mengakhtiarkan sebarang langkah yang lain dari semasa kesemasa untuk meninggikan lagi kepentingan penduduk2 dan negeri ini 'am-nya.⁷⁸

Oleh kerana menyedari betapa pentingnya pilihan raya dalam usaha menuju kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman menuntut dalam Majlis Mesyuarat Undangan Persekutuan pilihan raya persekutuan diadakan pada 31 Januari 1954.⁷⁹

Dalam usaha mencapai cita-cita ini Tunku Abdul Rahman seterusnya mengorak langkah berangkat ke London berbincangan dengan kerajaan British mengenai tarikh pilihan raya persekutuan. Oleh kerana UMNO menghadapi masalah kewangan untuk perbelanjaan ke London dan tinggal di London, kutipan derma diadakan. Satu perkara yang menarik dalam pungutan derma ini terdapat kaum wanita yang sanggup meloloskan perhiasan mereka untuk disumbangkan kepada UMNO. Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan yang terdiri daripada, Dato' Abdul Razak bin Hussin dan T.H. Tan berangkat ke London pada tahun 1954. Rombongan Tunku Abdul Rahman ini tidak berjaya mendapat jaminan daripada kerajaan British dan pulang ke tanah air. Kegagalan ini menyebabkan Tunku Abdul Rahman mengambil keputusan melalui Parti Perikatan mendesak kerajaan memenuhi tuntutan mereka menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk memastikan pilihan raya umum nanti berjalan dengan adil. Sekiranya tuntutan tersebut tidak dilayan ahli perikatan yang berkhidmat dalam kerajaan akan meletakkan jawatan. Oleh kerana kerajaan British tidak menerima cadangan Parti Perikatan itu, ahli perikatan dalam kerajaan Persekutuan meletakkan jawatan.⁸⁰

Tindakan Parti Perikatan ini mempengaruhi kerajaan British mengubah pendirian, bersetuju mengadakan pilihan raya persekutuan pada tahun 1955. Dalam pilihan raya ini Parti Perikatan mencapai kejayaan cermelang, memenangi 51 kerusi daripada 52 kerusi yang dipertandingkan. Hanya satu kerusi sahaja dimenangi oleh calon Parti Islam Se Malaya (PAS). Kejayaan ini membolehkan Parti Perikatan membentuk kerajaan, Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Ketua Menteri kerajaan baru Persekutuan Tanah Melayu.⁸¹ Dalam pada itu kabinet Parti Perikatan ialah: Kolonel H.S. Lee, Menteri Pengangkutan; Dr.

78 UMNO/SUA No. 126/1957. "Perlembagaan & Undang2 Party Perikatan, Majlis Kebangsaan & Jawatankuasa Tadbir".

79 *Suara UMNO*, 1 Ogos 1953.

80 T.N. Harper, *The End of Empire and the Making of Malaya*, Cambridge: Cambridge University Press, 2001, hlm. 342. Harry Miller, *Prince and Premier: A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra*, Petaling Jaya: Eastern Universities Press Sdn. Bhd., 1982, hlm. 159-168.

81 Muhammad Kamil Awang, *The Sultan & The Constitution*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1998, hlm. 85. Harry Miller, *Prince and Premier*., hlm. 185-202.

Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Sumber Asli; Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussain, Menteri Pelajaran; Leong Yew Koh, Menteri Kesihatan dan Kebajikan Masyarakat; V.T. Sambathan, Menteri Buruh; Sulaiman bin Dato' Abdul Rahman, Menteri Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Rancangan Bandar; Abdul Aziz bin Ishak, Menteri Pertanian; Sardon bin Jubir, Menteri Kerja Raya, dan Ong Yoke Lin, Menteri Pos dan Telekom.⁸²

Kejayaan Parti Perikatan dalam pilihan raya menyemarakkan lagi perjuangan ke arah kemerdekaan. Tunku Abdul Rahman sekali lagi mengetuai rombongan ke London pada tahun 1956 berunding dengan kerajaan British mengenai kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu. Rombongan kali kedua ini bertambah kukuh kerana ia mewakili kerajaan. Pada 1 Januari 1956, rombongan perunding kemerdekaan Parti Perikatan: Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj, Dato' Abdul Razak bin Dato' Hussain, Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, T.H. Tan, H.S. Lee, dan Abdul Kadir Shamsudin bersama wakil Raja-raja Melayu: Dato' Abdul Wahab (Dato' Panglima Bukit Gantang), Dato' Nik Ahmed Kamil (Menteri Besar Kelantan), Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid (Menteri Besar Selangor), dan Dato' Seth bin Mohd. Said (Johor) berangkat ke London melalui Singapura dengan kapal *M.V. Asia*.⁸³

Kerajaan British berunding dengan Raja-raja Melayu dan Parti Perikatan yang bermula pada Januari 1956, berakhir pada Februari 1956. Banyak persetujuan dicapai, dan yang lebih penting Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dibenarkan mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu yang akan dilaksanakan pada Ogos 1957.⁸⁴ Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di padang Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956.⁸⁵

Sebuah suruhanjaya dibentuk untuk menggubal perlembagaan kemerdekaan Tanah Melayu. Dengan itu Lord Reid dilantik oleh kerajaan British mengetuai suruhanjaya tersebut yang terdiri daripada lima orang ahli. Suruhanjaya Reid terdiri daripada Lord Reid selaku pengerusi, ahlinya, Sir Ivor Jennings (United Kingdom), Sir William Mckell (Australia), B. Malik (India), dan Hakim Abdul Hamid (Pakistan); manakala H.P. Hall sebagai setiausaha, dan K.J. Henderson sebagai penolong setiausaha.⁸⁶ Suruhanjaya ini diamanah memperakukan bentuk Perlembagaan Persekutuan yang tunggal untuk seluruh Negara yang memerintah sendiri dalam Komonwel dan diasaskan kepada demokrasi parlimen yang di dalamnya mempunyai dua dewan perundangan, dan mengambil kira kedudukan serta maruah Raja-raja Melayu sebagai Raja Berpelembagaan.

Laporan Reid ini kemukakan dan mendapat bantahan, cadangan daripada berbagai pihak. Antaranya UMNO, Raja-raja Melayu, PAS, Parti Rakyat. Kerajaan British menubuhkan sebuah Jawatankuasa Kerja untuk meneliti cadangan yang dikemukakan oleh Suruhanjaya

82 Mohd. Ashraf Ibrahim, *Gagasan Bangsa Malayan yang BERSATU 1945-57*, hlm. 168.

83 Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back: Monday Musings and Memories*, Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1977, hlm. 60; Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2004, hlm. 249.

84 Tunku Abdul Rahman Putra, *Looking Back...*, hlm. 63.

85 Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957", hlm. 82. Bukan 20 Februari 1955 seperti tercatat dalam buku Ramlah Adam, *Biografi Politik Tunku Abdul Rahman Putra*, hlm. 263.

86 Mohd. Ashraf Ibrahim, *Gagasan Bangsa Malayan yang BERSATU 1945-57*, hlm. 170.

Reid. Jawatankuasa ini terdiri daripada empat orang wakil Raja-raja Melayu, empat orang wakil Perikatan, Pesuruhjaya Tinggi, Setiausaha Persekutuan, dan Peguam Negara, sebagai wakil Kerajaan British. Jawatankuasa ini menjalankan tugasnya dan mengambil kira hasil perbincangan dengan Raja-raja Melayu, Perikatan dan Pejabat Tanah Jajahan. Hasil persetujuan ketiga-tiga pihak; Raja-raja Melayu, Perikatan, dan Kerajaan British lahirlah Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu Merdeka. Perjanjian kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu ditandatangani oleh Raja-raja Melayu dengan kerajaan British pada 8 Ogos 1957 di King's House, Kuala Lumpur.⁸⁷

Suruhanjaya Reid ini memperakukan keistimewaan orang Melayu, tetapi hendaklah disemak selepas 15 tahun; bahasa Cina dan India bukan bahasa rasmi, tetapi selepas 10 tahun kemerdekaan, dalam keadaan tertentu bahasa Cina dan Tamil boleh digunakan dalam dewan. Suruhanjaya juga memperakukan menggugurkan kerakyatan asal sekira memohon kerakyatan Persekutuan, kecuali kerakyatan Komonwel tidak perlu digugurkan. Parti Perikatan memperakukan kedudukan hak istimewa orang Melayu dalam perkhidmatan awam, perniagaan dan perdagangan, biasiswa pendidikan dan berbagai faedah yang disediakan oleh kerajaan. Hanya bahasa Melayu dan Inggeris sebagai bahasa rasmi. Kerakyatan *jus soli* kepada semua yang lahir selepas merdeka. Cadangan Parti Perikatan tidak dapat memenuhi kehendak semua orang. Begitu juga cadangan Suruhanjaya Reid dibantah oleh UMNO.

Wujud bantahan ini menyebabkan kerajaan membentuk Jawatankuasa Kerja yang terdiri daripada empat wakil perikatan, empat wakil Raja-raja Melayu, dan dua orang pegawai British (Ketua Setiausaha dan Hakim Negara). Jawatankuasa Kerja menerima cadangan Parti Perikatan, bahasa dan kedudukan istimewa orang Melayu; bahasa Cina dan Tamil bukan bahasa rasmi, dan kerakyatan komonwel tidak perlu digugurkan sekiranya menjadi warganegara Persekutuan.⁸⁸

Saat ditunggu akhir tiba, pada tengah malam, 31 Ogos 1957 bertempat di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur bendera British, *Union Jack* diturunkan dan digantikan dengan bendera Persekutuan Tanah Melayu. Peristiwa bersejarah di Tanah Melayu ini diteruskan pada keesokan hari, 31 Ogos 1957. Pada 31 Ogos 1957, dengan disaksikan oleh Raja-raja Melayu, dan wakil kerajaan British, Tunku Abdul Rahman mengisytiharkan kemerdekaan Persekutuan Tanah Melayu di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman menjadi Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, manakala Raja-raja Melayu kekal dengan bidang kuasa seperti tercatat dalam Perlembagaan Negeri masing-masing. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, perkara 32(1) Ketua Tertinggi Persekutuan bergelar Yang di-Pertuan Agong. Permaisuri baginda, berdasarkan Perlembagaan Persekutuan perkara 32(2) bergelar Raja Permaisuri Agong.⁸⁹ Jawatan Yang di-Pertuan Agong akan dipilih lima tahun sekali oleh Majlis Raja-raja. Jawatan Yang di-Pertuan Agong pertama disandang oleh

87 Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957". hlm. 87.

88 Ramlah Adam, "Perjuangan UMNO Menentang Malayan Union dan Menuntut Kemerdekaan 1946-1957". hlm. 82-87.

89 *Laws of Malaysia – Federal Constitution*, Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad, 2002, hlm. 35.

Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Abdul Rahman Ibni Tuanku Muhammad. Kini pentadbiran Persekutuan bercorak Raja Berpelembagaan. Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu menjalankan pentadbiran negara dan negeri di atas nasihat; Perdana Menteri bagi peringkat pusat dan Menteri Besar untuk negeri.

Kesimpulan

Tempoh perjuangan menuntut kemerdekaan memanglah singkat jika dilihat mulai dari gabungan Parti Perikatan UMNO-MCA-MIC yang hanya bermula pada tahun 1954, dan kemerdekaan dicapai pada tahun 1957. Namun perjuangan menentang penjajah sangat panjang tempohnya. Sejak tahun 1511 orang Melayu menentang Portugis di Melaka, diikuti menentang Belanda, Siam dan British. Dalam perjuangan tersebut, ramai yang terkorban, dan banyak darah menitis di bumi Melayu. Tidak kurang juga banyak air mata menitis di bumi kerana kehilangan anak, suami dan saudara terkorban dalam perjuangan mempertahankan maruah, tanah air, agama dan bangsa. Perjuangan menentang penjajah berubah corak, ke arah perlembagaan, sebagaimana dilakukan oleh orang Melayu terhadap Malayan Union pada tahun 1946. Mulai tahun ini (1946) penentangan adalah melalui pertubuhan politik, PKMM dan UMNO. Apabila PKMM diharamkan pada tahun 1948, perjuangan orang Melayu melalui UMNO. Gabungan UMNO-MCA bermula 1952, dan MCA pada tahun 1954. Parti lain yang juga muncul sebelum merdeka, Parti Rakyat Malaya dan Parti Islam SeMalaya (PAS). Hasil daripada perjuangan khususnya UMNO dan kemudiannya bergabung sebagai Perikatan, dan Raja-raja Melayu Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan; muncul sebagai Negara Berdaulat dan Raja Berpelembagaan pada tahun 1957.